

قُلْ بِرَوْحَةٍ

PETIKAN TITAH

"PERKHIDMATAN Awam berperanan menanai tanggungjawab besar untuk masyarakat. Ia perlu mempunyai usaha atau inisiatif bagi kemanfaatan masyarakat secara langsung".  
- Titah Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-26 pada 15 Rabiulawal 1441H / 12 November 2019M.



Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK  
5.07 5.17 6.36 6.59 12.36 3.56 6.33 7.44

TAHUN 65 / BILANGAN 18

10 FEBRUARI 2020 / 1441 جمادى الآخر 16

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI ISNIN / PERCUMA

## Berkenan hantar perutusan takziah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah-titah perutusan takziah kepada Presiden Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Xi Jinping dan juga kepada Premier of the State Council, Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Li Keqiang, serta Kerajaan dan rakyat Republik Rakyat China berhubung dengan penularan Coronavirus (2019-nCoV) yang bermula di Hubei Province.

## Penuaian Padi Sembada188 menepati hasil jangkaan

Berita dan Foto :  
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

KANDOL, Sabtu, 8 Februari. - Tanaman padi secara komersial dikenali sebagai Sembada188, iaitu sejenis padi berhasil tinggi yang mula ditanam pada 28 Oktober 2019 lalu kini melakar satu lagi sejarah pertanian negara dengan Majlis Mengatam Padi tersebut, di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol, Daerah Belait, di sini.

Kawasan tanaman padi tersebut yang berkeluasan 500 hektar terdahulu disempurnakan penanamannya bagi fasa 1 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Usaha sedemikian merupakan salah satu daripada inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi meningkatkan keluaran dan tahap sara diri bekalan beras berada di tahap terjamin.

Ke muka 7

## Kenal pasti beberapa tempat untuk Pusat Pemantauan Coronavirus



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan (kanan) mendengar penerangan daripada salah seorang petugas ketika mengadakan lawatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BERAKAS, Sabtu, 8 Februari. - Dalam usaha berterusan dan kesiapsiagaan bagi menangani virus korona, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengenal pasti beberapa tempat yang bersesuaian untuk dijadikan sebagai Pusat Pemantauan jika sekiranya didapati individu-individu atau sekumpulan individu yang datang atau kembali ke Negara Brunei Darussalam yang dikhuatiri terdedah kepada ancaman virus berkenaan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat

Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa mengadakan lawatan ke Perkampungan Sukan bersama Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Tambahnya, antara tempat-tempat yang telah dikenal pasti adalah Rumah Persinggahan Kuala Belait dan Bangunan Pusat Khidmat Bakti Negara Daerah Temburong serta kini sedang meneliti kesesuaian SEAMEO VOCTECH, Gadong.

Ke muka 3

## Kibar bendera sempena Hari Kebangsaan Ke-36

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 8 Februari. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-36 Tahun 2020 dan bagi memeriahkan lagi sambutan berkenaan, rakyat dan penduduk negara ini disarankan supaya sama-sama mengibarkan bendera di rumah-rumah kediaman masing-masing dan bangunan-bangunan pejabat dan perniagaan serta pemasangan dan

penyalaan lampu-lampu cucul di bangunan-bangunan Kerajaan dan sektor swasta mulai Ahad, 16 Februari hingga Selasa 25 Februari 2020.

Dalam hubungan ini, Pengiran-pengiran akan mengibarkan bendera peribadi, orang-orang yang dikurniakan gelaran akan mengibarkan bendera masing-masing dan bagi orang ramai pula akan mengibarkan bendera Negara Brunei Darussalam.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam  
infodept.bn infodept\_bn

**Berita Utama**  
  
EKSCO Pengajian Tinggi fokus utama Pusat Informasi Sehenti  
Muka 5

PENYAKIT tular ujian daripada Allah  
Muka 6

TERUSKAN memberi sokongan kepada pelajar memerlukan  
Muka 8

LENSA Pelajar  
KERJASAMA berpasukan raih kejayaan  
Muka 21

# MTIC pastikan negara berstatus Smart Nation

Bismillahir Rahamanir Rahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Selamat Pagi

**A**LHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana di atas limpah kurnia dan izin-Nya jua, kita dapat bersidang dan bermesyuarat di Sesi Muzakarah yang berkebajikan dan bermanfaat ini. Peramba / kaola / saya mewakili seluruh warga Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) Negara Brunei Darussalam, sangat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ke kementerian ini.

Peramba / kaola / saya sangat-sangat berharap melalui Sesi Muzakarah pada pagi ini jua, pihak MTIC akan dapat mengetahui secara langsung apa jua perkara dan isu-isu serta kewahaman yang ingin abis Yang Berhormat utarakan berkaitan sektor pengangkutan dan infokomunikasi.

## Tujuan Muzakarah

Alhamdulillah, bagi persediaan Sesi Muzakarah pada kali ini, MTIC telah mengambil pendekatan yang sedikit berbeza daripada tahun-tahun sebelumnya. Peramba / kaola / saya berharap Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) telah pun, sedikit sebanyak melalui MTIC Innovation Showcase sebentar tadi, beroleh gambaran sepintas lalu kehidupan SMART yang berlandaskan kemajuan teknologi masa kini, sesuai dengan aspirasi SMART Nation yang kita sasarkan.

Di samping itu juga, kementerian ini juga telah pun berusaha untuk memperlihatkan secara dekat beberapa usaha-usaha yang mendukung isu-isu strategik kementerian seperti keselamatan dan kesejahteraan melalui demonstrasi latihan-latihan keselamatan yang telah diadakan pada 21 November 2019 yang lalu bagi MPABD (Maritime and Port Authority Brunei Darussalam) dan pada 5 Disember 2019 yang lalu bagi Latihan Kecemasan Udara 2019 (Table Top Exercise Aircrash 2019), di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB). Usaha-usaha ini akan dipertingkatkan secara berterusan bagi memastikan keupayaan aset termasuk kapasiti tenaga manusia adalah sentiasa bersiaga, mantap, relevan dan berdaya tahan.



**MENTERI Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof berucap pada Sesi Muzakarah Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara Tahun 2019 pada Khamis, 13 Jamadilawal 1441 Hijrah bersamaan 9 Januari 2020 Masihi di Bilik Mesyuarat Al-Mahabbah, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.**

Pada Sesi Muzakarah pagi ini, peramba / kaola / saya akan menyampaikan beberapa perkembangan terkini dari segi dasar dan projek-projek pengangkutan dan infokomunikasi serta beberapa pembaharuan yang telah diungkayahkan dalam tempoh sembilan bulan, iaitu dari Suku Pertama 2019 hingga ke penghujung Disember ataupun Suku Keempat 2019. Perbincangan juga dapat kita laratkan kepada isu-isu dalam perancangan dan pihak MTIC mengalu-alukan pandangan dan sebarang usulan dan pertanyaan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian dalam sama-sama menyelesaikan isu-isu berkenaan.

Dalam mencapai Wawasan Brunei 2035, MTIC akan sentiasa memastikan arah tujuan kementerian ini bagi pembangunan negara yang mampan dan mantap terutama sekali dalam bidang pengangkutan dan infokomunikasi. Adalah menjadi

aspirasi kementerian ini bagi Negara Brunei Darussalam untuk memperbaiki kedudukannya dalam ranking di peringkat antarabangsa, antara lainnya adalah seperti berikut :

- Top 4 (teratas terempat) di kalangan ASEAN dalam Global Cybersecurity Index;
- Top 40 dalam International Telecommunications Union (ITU) ICT Development Index, dan
- Top 40 dalam UN E-Government Survey.

InsyaaAllah, aspirasi ini akan memacu usaha-usaha dan tenaga kita dalam menjadikan negara kita ini sebagai sebuah negara yang berstatuskan Smart Nation. Alhamdulillah, pada tahun ini, MTIC berhasrat untuk mengeluarkan Pelan Strategik 2020 - 2025 atau abis peramba / kaola / saya sebutkan MTIC2025 dengan visi yang baharu sesuai dengan penjenamaan kementerian ini, iaitu 'Connected Smart Nation'.

Seterusnya, izinkan jua peramba / kaola / saya mengongsikan beberapa perkembangan dan pembaharuan substantif dalam strategi-strategi yang dikenal pasti bagi MTIC, iaitu :

**Pertama** - ke arah Transformasi Digital (Digital Transformation). Beberapa dasar baharu serta arah tuju yang lebih fokus telah pun disatukan di bawah kementerian ini terutama sekali di dalam dasar yang berkaitan dengan sektor infokomunikasi :

a) Kementerian ini menjunjung setinggi-tingginya titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan Baginda yang Ke-73 tahun pada 15 Julai 2019 sehubungan dengan persediaan satu Pelan Induk Ekonomi Digital. Alhamdulillah, MTIC melalui Urus Setia Majlis Ekonomi Digital sedang giat membangrakan rangka kerja Pelan Induk berkenaan ke kementerian-kementerian, institusi pengajian tinggi dan pelbagai agensi termasuk sektor swasta. Usaha ini adalah bagi memastikan adanya penyelaras dalam inisiatif Digital Transformation serta untuk mendapatkan pandangan dari pihak-pihak berkenaan ke atas draf Pelan Induk Ekonomi Digital tersebut. Apa yang disasarkan adalah bagi draf Pelan Induk Ekonomi Digital ini untuk dilancarkan insyaaAllah dalam jangka masa Suku Pertama 2020 tahun ini;

Ke muka 17

## Dari Sidang Pengarang.

10 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جمادی الآخر

## SABARLAH MENGHADAPI UJIAN

**S**ABAR ialah sifat tenang dan tidak terburu-buru serta mempunyai hati yang kuat menahan kesakitan, penderitaan, kesusaahan dan lain-lain. Sabar adalah salah satu senjata paling ampuh dalam menghadapi pelbagai ujian dan dugaan. Orang yang bersifat sabar itu dapat menahan diri daripada marah terhadap sesuatu yang tidak disukai serta dapat menahan lidah daripada mengadu sesuatu hal penderitaan kepada orang lain selain daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Manusia yang hidup di dunia ini tidak akan terlepas daripada menerima ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan perbezaannya hanyalah terletak kepada besar atau kecilnya ujian itu dan berat atau ringannya dugaan yang menimpanya. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155 tafsirnya :


*"Dan sesungguhnya! Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan kerana kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu. Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar".*

Sesungguhnya, Allah Subhanahu Wata'ala tidak akan memimpakan ujian dan dugaan di luar kemampuan hamba-hamba-Nya. Oleh itu, kadangkala kita diuji dengan berbagai-bagai ujian sama ada ujian kesenangan mahupun kesusaahan atau diuji dengan harta-benda sama ada kekayaan atau kemiskinan atau diuji dengan kehilangan orang-orang yang tersayang dan sebagainya.

Oleh itu, jika ditimpakan ujian dan musibah, kita wajiblah bersabar, jangan sekali-kali bersangka buruk terhadap Allah Subhanahu Wata'ala dan beranggapan bahawa kita adalah orang yang paling malang kerana setiap ujian itu pasti ada hikmahnya. Bersangka baiklah terhadap segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala serta berusahalah menghadapi ujian tersebut dengan mencari jalan penyesalan yang bijaksana, berdoa, bertawakal dan lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Apabila menghadapi kesengsaraan atau kesakitan yang amat sangat, janganlah mudah berasa kecewa dan berputus asa atau berputus asa sehingga memudaratakan dan mencederakan diri sendiri, yang akhirnya membawa kepada kesakitan dan kematian seperti mengambil tindakan mengantung diri, terjun dari bangunan dan sebagainya.

Sabar itu adalah anugerah terindah yang menjanjikan pelbagai kurniaan dan ganjaran. Antaranya orang yang sabar mempunyai kedudukan tinggi di sisi Allah Subhanahu Wata'ala, mendapat keampunan, rahmat dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala dan mendapat balasan yang lebih baik daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Akhirnya, sebagai hamba Allah sentiasalah kita bersabar dalam menghadapi segala ujian dan dugaan kerana semua itu adalah ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala. Kita perlu tahu bahawa Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa bersama kita sebagaimana yang dijanjikan di dalam Al-Quran bahawa Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa mengasihi dan bersama-sama orang yang sabar. - Ketua Penyuntingan (Ki).



WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
10 FEBRUARI	ISNIN	16	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33 7.44
	SELASA	17	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.56	6.33 7.44
	RABU	18	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33 7.44
	KHAMIS	19	5.07	5.17	6.36	6.59	12.36	3.55	6.33 7.44
	JUMAAT	20	5.07	5.17	6.36	6.58	12.36	3.55	6.33 7.44
	SABTU	21	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33 7.44
	AHAD	22	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33 7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

123

NDMC  
2380214

# Kenal pasti beberapa tempat untuk Pusat Pemantauan Coronavirus



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan ketika mendengarkan penerangan mengenai langkah-langkah yang diambil dalam meningkatkan kewaspadaan mencegah jangkitan Coronavirus di negara ini (kiri dan kanan).

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

## Dari muka 1

Rombongan seterusnya membuat lawatan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) untuk melihat langkah-langkah yang diambil dalam meningkatkan kewaspadaan mencegah jangkitan Coronavirus di negara ini.

Kementerian Kesihatan mengambil tindakan dengan membuat pemeriksaan kesihatan sejak 21 Januari 2020 di pintu-pintu masuk utama ke negara ini seperti di LTAB



KEMENTERIAN Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan akan sentiasa bekerjasama secara berterusan bersama agensi-agensi yang berkaitan bagi memperkuatkkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi potensi penularan jangkitan Coronavirus di negara ini (atas dan kanan).

juga dilaratkan di pos-pos kawalan darat, iaitu di Sungai Tujuh, Pos Kawalan Kuala Lurah, Pos Kawalan Sementara Labu dan Feri Terminal Serasa.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan

Kementerian Kesihatan akan sentiasa bekerjasama secara berterusan bersama agensi-agensi yang berkaitan bagi memperkuatkkan tahap kesiapsiagaan bagi menghadapi potensi penularan jangkitan Coronavirus di negara ini.

Turut sama menyertai lawatan kerja tersebut, pegawai-pegawai kanan agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan, iaitu KHEDN, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.



# Dua warga NBD selamat dievakuasi

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 8 Februari.- Penerbangan Diraja Brunei (RB) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN), Kementerian Kesihatan, Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam (NBD) di Republik Rakyat China dan Jabatan Penerbangan Awam menjalankan Operasi Evakuasi bagi dua orang warga NBD dari Wuhan, Wilayah Hubei, Republik Rakyat China pada Jumaat, 7 Februari menggunakan pesawat khas RB.

Operasi Evakuasi tersebut yang berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) pada jam 4.52 petang itu berjaya dilaksanakan dan kedua warga NBD tersebut selamat kembali ke tanah air pada Sabtu, 8 Februari jam 2.45 pagi.

Sejurut tiba ke tanah air,

kedua-dua warga NBD tersebut, iaitu seorang penuntut dan seorang pelancong didapati dalam keadaan sihat, dan dibawa terus ke Pusat Pengasingan Kebangsaan bagi menjalankan pemeriksaan rapi selanjutnya. Kedua-dua mereka akan menjalani pengasingan sekurang-kurangnya selama 14 hari di Pusat Pengasingan Kebangsaan.

Kepulangan kedua-dua warga NBD dan krew Operasi Evakuasi disaksikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Kementerian Kesihatan, Dr. Haji Zulaidi bin Haji Abd. Latif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; dan Timbalan Setiausaha Tetap, KHELN, Pengiran Haji Saiful Rizal bin Pengiran Haji Razali di LTAB.



OPERASI Evakuasi berjaya dilaksanakan dan kedua warga Negara Brunei Darussalam (NBD) tersebut selamat kembali ke tanah air pada Sabtu, 8 Februari, jam 2.45 pagi dengan Penerbangan Diraja Brunei (RB).

# Berganding bahu sokong, dukung usaha kerajaan



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) ketika berucap pada Sesi Muzakarah itu.**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 8 Februari. - Salah satu tanggungjawab Jabatan Perdana Menteri (JPM) adalah untuk membangun jentera kerajaan yang cemerlang, berwibawa dan mengamalkan urus tadbir yang

berpandukan prinsip dan nilai-nilai Melayu Islam Beraja serta menjaga keluhuran konstitusi dan undang-undang demi menjaga kesejahteraan rakyat dan negara dengan memberikan panduan dan mensejajarkan pelaksanaan dasar-dasar kebangsaan secara efektif.

Di samping itu, JPM juga telah menyusun beberapa strategi yang dapat mengiring jabatan berkenaan ke arah mencapai hasrat-hasrat yang disasarkan, antaranya dengan memantapkan amalan urus tadbir yang baik dan menekankan akauntabiliti, integriti dan ketulusan serta memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi, berkesan dan inovatif dalam menepati ekspektasi orang ramai dan pihak-pihak yang berkepentingan.

Perkara tersebut disampaikan oleh Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dalam ucapan alu-aluannya di Sesi Muzakarah JPM dan jabatan-jabatan di

bawahnya bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2020 yang diadakan petang tadi bertempat di Bilik Mesyuarat West Wing, Bangunan JPM.

Tambah Yang Berhormat lagi, dari aspek perancangan dasar, JPM berperanan untuk menyelaras, mengurus dan meneliti dasar-dasar berkaitan hal ehwal kesejahteraan dan pembangunan sosioekonomi melalui pendekatan Whole of Government, selain pendekatan sedemikian juga dilaratkan kepada usaha dalam memelihara dan menjaga keselamatan dan kesejahteraan negara melalui pengukuhan dasar keselamatan dan sistem undang-undang dalam memastikan perundungan adalah relevan.

"Dalam pada itu, JPM juga berperanan untuk menjaga imej baik dan mendukung usaha Kerajaan dalam merealisasikan pendekatan Whole of Nation melalui pembarigayaan maklumat dan penglibatan stakeholders," terangnya.

Yang Berhormat juga turut memohon kerjasama Ahli-ahli MMN untuk sama-sama berganding bahu menyokong dan mendukung apa jua inisiatif atau projek yang diusahakan oleh pihak Kerajaan, dengan membarigakan, menerangkan serta mengambil berat akan isu-isu semasa berkaitan masyarakat dan mengekalkan keharmonian hidup bermasyarakat.

Seramai 16 orang daripada rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN menghadiri Sesi Muzakarah tersebut yang diketuai oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, selaku Penghulu Mukim Bokok, Daerah Temburong.

Hadir sama, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Sejurus selepas itu, Yang Berhormat Awang Haji Emran selaku ketua rombongan turut menyampaikan ucapan balas beliau yang kemudiannya diikuti dengan taklimat ringkas daripada Sekretariat Tetap Wawasan Brunei, JPM dan Jabatan Audit.

Yang Berhormat dalam ucapan balasnya, antara lain mengutarakan salah satu isu yang akan diketengahkan ialah perkongsian maklumat terkini mengenai Wawasan Negara atau Wawasan Brunei.



**YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan II, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pegawai Kanan lain yang sama-sama hadir pada Sesi Muzakarah berkenaan (atas dan bawah).**



**SESI bergambar ramai pada Sesi Muzakarah JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bagi Tahun 2020.**

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

Menurutnya, Wawasan Negara 2035 adalah merupakan gagasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, di mana baginda berpandangan jauh dalam memastikan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya, mempunyai kehidupan yang berkualiti dan ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Ke arah itu tambah beliau, kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini hendaknya melengkapkan diri masing-masing dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran, menyediakan diri dalam pembangunan negara serta

meningkatkan daya saing, inovatif, kreatif, membangun ekonomi, politik dan sosiobudaya keselamatan dan sebagainya.

Permuzakarah seterusnya disusuli dengan sesi dialog di antara Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dan pihak JPM.

Sesi Muzakarah dihasratkan menjadi satu platform atau landasan bagi kementerian berkenaan untuk berkongsi idea, isu pandangan dan cadangan, di samping memberikan informasi terkini mengenai perkhidmatan, peranan dan tanggungjawab kementerian bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan penduduk secara berterusan melalui penyediaan prasara aras dalam matlamat pencapaian Wawasan Brunei 2035.



**ANTARA yang hadir pada Sesi Muzakarah tersebut (atas dan bawah).**



# Eksopo Pengajian Tinggi fokus utama Pusat Informasi Sehenti

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
 Foto : Hernie Sulaina Haji Othman

**JERUDONG**, Sabtu, 8 Februari. - Pusat Informasi Sehenti (One Stop Information Centre) fokus eksopo utama bagi Pengajian Tinggi menyatukan kesemua institusi-institusi pengajian pasca menengah, institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta serta agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negeri di bawah satu bumbung bagi memberikan gambaran mengenai lanskap pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi.

Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan Bahagian Biasiswa mengadakan Eksopo Pengajian Tinggi 2020 selama dua hari yang berlangsung di Bridex Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat,



SUASANA orang ramai semasa berada di Eksopo Pengajian Tinggi 2020 yang berlangsung di BRIDEX Hall 2 (atas dan bawah).



Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman. Turut hadir Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh.

Eksopo dibukakan kepada orang awam, khususnya lepasan menengah dan pra-universiti, lepasan Brunei-Cambridge G.C.E. Peringkat 'O' dan 'A' atau kelulusan yang sebanding dengannya, yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi seperti program-program National Technical Education Certificate (NTec), Higher National Technical Education Certificate (HNTec), Diploma Level 5, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran serta mereka yang ingin mengembangkan kemahiran

atau profesionalisme mereka. Sesi taklimat, seminar dan forum dari beberapa institusi pendidikan, agensi kerajaan dan persatuan tempatan turut diadakan semasa eksopo berlangsung.

Antara aktiviti yang dikendalikan adalah seperti: Perkongsian pengetahuan mengenai kemahiran penulisan Personal Statement, Curriculum Vitae dan Tip Temuduga; Higher Education Pathways seperti permohonan HECAS, tawaran-tawaran biasiswa dan peluang pembelajaran sepanjang hayat; program-program baharu yang ditawarkan di Pengajian Tinggi; peluang-peluang kerjaya di masa akan datang; dan forum motivasi keusahawanan.

Pada tahun ini merupakan kali ke-5 Eksopo Pengajian Tinggi diungkayahkan oleh Kementerian Pendidikan dengan fokus utama untuk menjadi Pusat Informasi Sehenti Pengajian Tinggi yang akan menyatukan kesemua institusi-institusi pengajian pasca menengah, institusi-institusi pengajian tinggi kerajaan dan swasta serta agensi-agensi pendidikan dalam dan luar negeri di bawah satu bumbung bagi memberikan gambaran mengenai lanskap pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi.

Tujuan eksopo ini juga adalah bagi membarangkan pelbagai laluan (*multiple pathways*) ke pengajian tinggi dan peluang-peluang tawaran pendidikan yang sedia ada di dalam dan luar negara selain menjadi landasan bagi memudahkan pelajar-pelajar yang berhasrat untuk meningkatkan tahap pengajian serta berinteraksi secara langsung dengan pihak institusi-institusi dan agensi-agensi pendidikan berkenaan.

Sejumlah 83 buah institusi pengajian tinggi, agensi perkhidmatan pendidikan dan juga agensi-agensi kerajaan dan swasta lain yang berkaitan menyertai eksopo tahun ini, terdiri daripada 13 institusi pendidikan tinggi awam dan swasta dalam negeri; 36 institusi pendidikan luar negeri; 23 agensi kerajaan dan swasta; lapan adalah dari agensi perkhidmatan pendidikan (*education services agencies*) dalam dan luar negeri; dan tiga misi dan perwakilan luar negara.

Institusi Pengajian Tinggi Awam Brunei Darussalam disertai oleh Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Universiti Teknologi Brunei, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

Manakala pengajian tinggi swasta akan disertai oleh Laksamana College of Business, Kolej International Graduate Studies, Cosmopolitan College of Commerce and Technology, Micronet International College, Kemuda Institute, BICPA - FTMS Accountancy Academy dan Mahakarya Institute of the Arts. Institusi-institusi tersebut akan memperkenalkan program-program yang akan ditawarkan, syarat-syarat kemasukan, tatacara pendaftaran dan segala maklumat yang berkaitan dengannya.

Eksopo tersebut tidak terhad kepada pelajar-pelajar atau



YANG Berhormat Menteri Pendidikan semasa menerima penerangan mengenai projek salah seorang mahasiswa Universiti Teknologi Brunei yang mengikuti kursus di universiti berkenaan.

pengunjung-pengunjung dalam negeri, malahan juga mengalau-alukan serta membuka peluang yang sama kepada pelajar dan pengunjung luar negara yang berkeinginan untuk meneruskan pengajian di institusi-institusi di Negara Brunei Darussalam.

Kemudahan tempat letak kereta dan perkhidmatan bas ulang alik (shuttle bus) bagi orang ramai juga akan disediakan bertempat di letak kereta Jerudong Park Playground.

Maklumat lanjut mengenai dengan eksopo ini boleh didapati melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di [www.moe.gov.bn](http://www.moe.gov.bn) atau media sosial rasmi Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.



KEDUTAN-KEDUTAN dari negara sahabat, antara yang menyertai Eksopo Pengajian Tinggi 2020.



MASKOT Universiti Teknologi Brunei (UTB), 'Awang Jubli' mengalau-alukan kunjungan orang ramai, terutama pelajar lepasan sekolah untuk mengunjungi petak pameran universiti tersebut pada Eksopo Pengajian Tinggi 2020 (kiri), sementara gambar atas, antara pelajar semasa mendengar penerangan daripada salah seorang perwakilan UTB.

# Penyakit tular ujian daripada Allah



TAZKIRAH subuh bertajuk 'Amalan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam Dalam Menangani Wabak Penyakit' disampaikan oleh Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Omar di Masjid Omar 'Ali Saifuddien.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 9 Februari. - Dunia telah dikejutkan dengan merebaknya penyakit atau virus baharu dan ganjil berpunca daripada tangan-tangan manusia.

Musibah dalam apa pun bentuknya adalah merupakan ujian dari Allah Subhanahu Wata'ala agar umat-Nya kembali berpegang kepada Al-Quran dan Sunnah

dengan mengamalkannya dengan yakin serta beriman.

Perkara tersebut merupakan inti pati yang disampaikan dalam siri tazkirah subuh minggu ini bertajuk 'Amalan Sunnah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam Dalam Menangani Wabak Penyakit' yang dibawakan oleh Pengarah Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah, Kolej

Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Omar bertempat di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS), di sini.

Seterusnya beliau turut mengongsikan bagaimana Islam membendung agar penyakit dan virus yang menggemparkan dunia dapat dibendung dengan sentiasa mengutamakan kebersihan

persekitaran dan tandas; menjaga kebersihan diri dan pakaian; menjauhkan dan mengelak daripada berkunjung kepada tempat-tempat yang dilanda penyakit / virus dan jauh lebih penting lagi memperbanyakkan berdoa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam, iaitu Allah tidak akan menurunkan

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

sesuatu penyakit kecuali dengan penawarnya.

Terdahulu sebelum itu sembahyang fardu subuh berjemaah diimamkan oleh Imam MOAS, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar; Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman serta para pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Makmurnya masjid-masjid di negara ini, adalah antara landasan kita bagi menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga juga negara.

## Perkenal budaya melalui interaksi rakyat, penduduk



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan meneliti salah satu peralatan muzik Jepun, iaitu gendang Jepun (wadaiko), yang digunakan oleh Yamanaka Traditional Band.

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 8 Februari. - Memperkenalkan suatu budaya itu bukan hanya pengenalan satu arah, tetapi merupakan proses pembelajaran bersama di antara sesebuah negara bersama satu negara yang lain.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Jepun ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Yamamoto Eiji berucap demikian pada Majlis Perasmian Festival Bahasa dan Budaya Jepun 2020 yang berlangsung hingga 9 Februari.

Tuan Yang Terutama percaya, budaya itu tidak akan berkembang

dengan sendirinya tanpa interaksi rakyat dan penduduk sesuatu tempat, yang tidak terhad kepada budaya semata-mata, tetapi juga dalam bentuk makanan dan hobi.

TYT juga memanjangkan rasa penghargaan kepada syarikat-syarikat Jepun di Brunei dan ahli-ahli alumni yang pernah mengikuti kursus dan melanjutkan pelajaran ke Jepun dalam bersama-sama mengongsikan budaya Jepun kepada rakyat di negara ini melalui pameran masing-masing pada festival tersebut.

Terdahulu TYT mengongsikan, Kedutaan Jepun di NBD dan

Yayasan Jepun menganjurkan festival seumpamanya selama hampir 10 tahun dan tahun ini sebuah kumpulan didatangkan khas dari Jepun, iaitu Yamanaka Traditional Band untuk memeriahkan festival dua hari berkenaan.

Yamanaka Traditional Band menggunakan alat-alat muzik tradisional Jepun seperti tsugaru-shamisen (gitar), seruling buluh (shinobue) dan gendang Jepun (wadaiko) untuk persembahan muzikal, bertajuk 'MUSASHI : Music from The East'.

Hadir bagi menyempurnakan perasmian festival, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Hajah Norhayana Janis binti Abdullah Lim.

Beberapa aktiviti menarik disediakan untuk penyertaan orang ramai pada festival yang diadakan di Kompleks Membeli Belah Times Square selaku Pengajur Bersama, antaranya demonstrasi masakan daripada Kedutaan Jepun dan demonstrasi permainan Kendama dan Yoyo.

Juga diadakan petak-petak pameran bagi Sesi Perkongsian pembelajaran di Jepun dan pembelajaran asas Bahasa Jepun, persembahan daripada persatuan alumni BERSATU, BJFA - UBD Chapters, BJFA - UTB Chapters dan aktiviti jualan syarikat tempatan yang menawarkan produk juga perkhidmatan berkaitan Jepun.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PARA peminat budaya komik dan animasi Jepun berpeluang melawat petak-petak pameran yang didirikan di sepanjang Festival Bahasa dan Budaya Jepun 2020 di Pusat Membeli Belah Times Square.



YAMANAKA Traditional Band memeriahkan Majlis Perasmian Festival Bahasa dan Budaya Jepun 2020 dengan persembahan muzikal, bertajuk 'MUSASHI : Music from The East'.

# Penuaian Padi Sembada188 menepati hasil jangkaan



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan ketika menyempurnakan acara Mengatam Padi di Kawasan Kandol, Daerah Belait.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

## Dari muka 1

Hadir dan menyempurnakan acara Mengatam Padi tersebut, Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong bersama Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar selaku

Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkelausinan 500 Hektar di Kawasan Kandol, Daerah Belait. Juga hadir Timbalan Menteri Kewangan (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Infrastruktur; dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanafi bin

Haji Metussin selaku Pengurusi Jawatankuasa Operasi dan Pelaburan projek tersebut serta mewakili Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II; dan Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin selaku Pengerusi Jawatankuasa Teknikal dan Infrastruktur; dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanafi bin

Mohd. Siput. Penuaian padi dilakukan dengan penggunaan sebanyak empat jentera jentuai (*combined harvester*).

Padi-padi yang ditanam melalui fasa penting sejak ia mula ditanam, iaitu Fasa Vegetatif selama 45 hari, diikuti dengan Fasa Reproduktif selama 30 hari, seterusnya Fasa Pematangan selama 35 hari sebelum ia berhasil dan sedia untuk tuaian.

Terdahulu rombongan

Jawatankuasa Tertinggi Projek tersebut turut meninjau beberapa tapak perusahaan di sekitar Mukim Bukit Sawat dan Merangking, antaranya Syarikat TS Wood Sendirian Berhad, Syarikat Asia Enterprise (AE) Sendirian Berhad, Syarikat Natural Biotech Resources Sendirian Berhad, Syarikat NSEY Sendirian Berhad, Syarikat WYWY Farm dan Syarikat Golden Chick Hatchery and Breeding Farm Sendirian Berhad.



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama Yang Berhormat Menteri Pembangunan menyaksikan hasil tuaian padi Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkelausinan 500 Hektar tersebut.



YANG Berhormat Menteri Pembangunan selaku Pengurusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Projek Pembukaan Kawasan Penanaman Padi Secara Komersial Berkelausinan 500 Hektar di Kawasan Kandol, Daerah Belait turut menyempurnakan acara Mengatam Padi itu.



ANTARA jemputan yang hadir pada Majlis Mengatam Padi tersebut yang diadakan di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol, Daerah Belait.



TANAMAN padi secara komersial dikenali sebagai Sembada188, iaitu sejenis padi berhasil tinggi yang mula ditanam pada 28 Oktober 2019 lalu mula dituai pada Majlis Mengatam Padi di Kawasan Kemajuan Pertanian Kandol, Daerah Belait (atas dan kiri).



**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika berucap melancarkan Program Curahan Ilmu.**

**MENTIRI,** Ahad, 9 Februari. - Bagi memberikan bantuan kepada pelajar yang memerlukan, seramai 52 pelajar Tahun 6 yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) tahun ini menyertai Program Curahan Ilmu.

Hadir bagi menyempurnakan pelancaran program yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin Mukim Mentiri itu, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Muluk Dato Seri Paduka Haji



**SEBAHAGIAN** daripada pelajar Tahun 6 daripada beberapa buah sekolah rendah terpilih dan akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini yang menyertai Program Curahan Ilmu.

# Teruskan memberi sokongan kepada pelajar memerlukan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

Abidin.

Program merupakan inisiatif juga anjuran Biro Kemasyarakatan dan Perhubungan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor Mengkubau; Teachmeguru dan Kelab Komuniti Belia Transformasi (KKBT).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada majlis tersebut menjelaskan, sejak program dimulakan pada tahun 2018, program tersebut amatlah dekat di hati kerana ia merupakan satu langkah yang mempunyai impak besar ke arah meningkatkan prestasi para pelajar daripada golongan yang tertentu dan memerlukan bimbingan secara

inklusif.

Yang Berhormat turut berbangga dan berbesar hati kerana program ini merupakan kesinambungan daripada tahun lepas dan adalah Kali Ketiga ia dilaksanakan.

Dengan adanya program tersebut, Yang Berhormat menyeru kepada peserta program untuk mengambil peluang keemasan ini dengan sepenuhnya.

Yang Berhormat turut menyeru para ibu bapa untuk sama memberikan sokongan secara berterusan kepada anak-anak untuk meraih kejayaan di masa akan datang kerana sokongan dan dukungan berterusan ini amatlah mustahak demi untuk mengorak masa depan yang cerah bagi generasi muda yang memerlukan



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan memukul gong sebagai tanda pelancaran Program Curahan Ilmu. Majlis berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Dato Mohd. Yassin Mukim Mentiri.**

bimbingan.

Pelajar yang terlibat adalah daripada beberapa buah sekolah rendah terpilih.



Pelajar yang dikenal pasti ini akan diberikan pembelajaran tuisyen secara percuma bagi empat mata pelajaran, iaitu Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris.

Kesemua pelajar yang terlibat adalah daripada golongan keluarga yang kurang berkemampuan, anak yatim dan mereka yang memerlukan, yang tinggal di RPN Kampung Panchor Mengkubau, Mukim Mentiri.

Program Curahan Ilmu 2020 sebelum ini dikenali dengan Program Wakaf Ilmu, di mana dengan nama baharu ini, ia akan memberi nafas baharu kepada pelajar, guru dan jawatankuasa penyelenggara bagi mengungkapkan program berkenaan dengan lebih bersemangat dan terus maju meningkatkan kejayaan pelajar tahun ini.

## 52 peserta terima Sijil Pertolongan Cemas, CPR



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Kesihatan menyampaikan Sijil Latihan Pertolongan Cemas dan CPR kepada salah seorang peserta yang diraikan.

**SUNGAI MAU,** Sabtu, 8 Februari. - Latihan Kecemasan Cardiopulmonary Resuscitation (CPR) merupakan langkah asas yang sangat berguna dan tinggi manfaatnya yang perlu di diterapkan di segenap lapisan masyarakat sebagai langkah kesiapsiagaan dalam menghadapi

situasi kritis atau kecemasan.

Perkara tersebut dijelaskan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Abdul Manap bin Haji Othman semasa hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya membacakan teks ucapan Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Haji

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd.Noor / Morshidi

Mohammad Isham bin Haji Jaafar pada Majlis Penyampaian Sijil Latihan Pertolongan Cemas dan CPR juga Penyampaian Mesin AED dan First Aid Kit bagi penduduk-penduduk kampung di Mukim Labi dan Bukit Sawat yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Mukim Bukit Sawat, di sini.

Tambah beliau lagi, kesihatan merupakan nikmat Allah yang tidak ternilai yang perlu disyukuri, dipelihara dan dijaga bagi membolehkan kita untuk menjalankan tugas dengan baik dan sempurna juga dapat menjalani kehidupan yang sejahtera.

Pada majlis tersebut, seramai 52 peserta menerima sijil, masing-masing disempurnakan oleh tetamu kehormat setelah berjaya menamatkan latihan bermula 1 Februari 2020 anjuran bersama Kementerian Kesihatan dan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Universiti

Brunei Darussalam. Turut disampaikan pada majlis tersebut, beberapa set First Aid Kit dan mesin Automated External Defibrillator (AED).

Program latihan tersebut merupakan inisiatif jangkauan



**PARA** penduduk kampung di Mukim Labi dan Bukit Sawat yang hadir pada Majlis Penyampaian Sijil Latihan Pertolongan Cemas dan CPR juga Penyampaian Mesin AED dan First Aid Kit tersebut.

# Pelajar institusi tinggi adakan Sesi Dialog bersama YB MMN



**YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) hadir mengendalikan Sesi Dialog bersama pelajar-pelajar dan institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam dan luar negara.**



mengenai isu-isu semasa, kebijakan, kemiskinan, pekerjaan, pendidikan, perniagaan dan lain-lain.

Seramai 62 pelajar dan bekas pelajar mengikuti dialog tersebut, termasuklah pelajar dari United Kingdom, Turki dan Malaysia.

Hadir pada Sesi Dialog tersebut, Ahli-Ahli MMN, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryant binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman; Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadi; Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Awang Haji Ash'ari; dan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Pada akhir sesi, para peserta dialog juga turut dibawa melawat ke Dewan Chamber bagi memahami tentang sistem MMN secara ringkas.

**Berita dan Foto : Aimi Sani**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Bagi memberi peluang kepada para pelajar untuk menyuarakan pendapat dan idea-idea mereka tentang kemajuan dan pembangunan negara, satu Sesi Dialog diadakan di antara Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bersama pelajar-pelajar dan institusi-institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam dan luar negara, di Auditorium, Bangunan MMN, di sini.

Antara topik yang dibincangkan semasa Sesi Dialog tersebut ialah

**SERAMAI 62** pelajar dan bekas pelajar mengikuti Sesi Dialog bersama Ahli-ahli MMN, berlangsung di Auditorium, Bangunan Majlis Mesyuarat Negara.

## Persembahan lagu era 80-an, 90-an serikan Pusat Belia



**SETIAUSAHA** Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (tengah) hadir menyaksikan Persembahan Live Band tempatan yang memainkan lagu-lagu era 1980-an hingga 1990-an, di Dewan Riadah Pusat Belia (atas), sementara gambar bawah, antara orang ramai yang hadir menyaksikan persembahan tersebut.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Bersempena Hari Ulang Tahun Pusat Belia Yang ke-50 Tahun, Excel Event Planning dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menganjurkan pelbagai aktiviti pada 8 dan 9 Februari ini, bertempat di Pusat Belia, di ibu negara.

Persembahan Live Band menampilkan empat band tempatan yang memainkan lagu-lagu era 1980-an hingga 1990-an, di Dewan Riadah Pusat Belia memeriahkan lagi Sambutan Hari Ulang Tahun berkenaan.

Hadir menyaksikan persembahan tersebut, Setiausaha Tetap KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku tetamu kehormat.

Pelbagai aktiviti disusun sepanjang sambutan selama dua hari itu yang melibatkan penyertaan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana tempatan yang akan memperkenalkan jualan masakan, produk dan perkhidmatan mereka bermula 5.00 petang hingga 11.00 malam.

Selain itu, kumpulan dram percussions, Kamaloko juga akan mengadakan persembahan pada 9 Februari dari jam 5.00 petang hingga 10.00 malam.

Turut diadakan aktiviti bersama keluarga, termasuk permainan Fun Fair Mini, Eagles Show, Pameran Reptile, aktiviti memanah dan kelas bacaan Al-Quran.

Aktiviti berkenaan adalah sebagai platform yang diusahakan bagi meningkatkan kesedaran

dalam kalangan bakat-bakat tempatan juga usahawan-usahawan muda di negara ini untuk membangunkan dan mempromosikan keusahawanan.



**PERSEMBAHAN** lagu-lagu era 1980-an hingga 1990-an didendangkan menyeriakan lagi suasana majlis.





**PEMANGKU Pengarah Belia dan Sukan memberikan kata-kata perangsang kepada perwakilan belia yang menyertai JENESYS 2019 sebelum berlepas ke Tokyo, Jepun.**

Berita dan Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

**BERAKAS**, Sabtu, 8 Februari.- Seramai 12 perwakilan belia yang terdiri daripada mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi di

negara ini berlepas ke Tokyo, Jepun bagi menyertai JENESYS 2019 Inbound Program Students Conference yang akan diadakan selama sepuluh hari, bermula 9 hingga 18 Februari 2020.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada perwakilan belia tersebut, Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Mariam binti Ulat.

Ketua Delegasi, Abdul Waaliummul Fadzl bin Haji Wahab semasa ditemu bual melahirkan

**KETUA Delegasi, Abdul Waaliummul Fadzl bin Haji Wahab melahirkan rasa berbesar hati terpilih mewakili negara.**



## Sertai Perhimpunan Pengakap Antarabangsa Sharjah



**KETUA Pesuruhjaya Pengakap menyerahkan bendera kebangsaan kepada Ahli Pengakap Kelana dari Pasukan Pengakap Kelana 1102 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang juga mahasiswa UNISSA ke Perhimpunan Pengakap Antarabangsa Sharjah Kali Ke-9.**

Berita dan Foto : Ihsan Khairul Salleh

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam menghantar seorong Ahli Pengakap Kelana dari Pasukan Pengakap Kelana 1102 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) yang juga mahasiswa UNISSA, iaitu Abdul Rahim bin Haji Iedin Roslan, pelajar Tahun 1 Program Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang dan Ijazah Sarjana Muda Perundangan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, UNISSA untuk menyertai jemputan Perhimpunan Pengakap Antarabangsa Sharjah

Kali Ke-9 bagi membincangkan tema program, bertajuk Pengakap dan Toleransi yang diadakan di Sharjah, Emiriyah Arab Bersatu bermula 10 hingga 19 Februari 2020.

Perhimpunan Pengakap Antarabangsa itu diadakan, antara lain bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim, memperluaskan pengetahuan dan berkongsi idea dan pengalaman, pertukaran budaya juga menambah ilmu kepengakapan dalam kalangan Ahli-ahli Pengakap Kelana dari negara-negara yang

rasa berbesar hati kerana terpilih sebagai wakil negara untuk menghadiri persidangan berkenaan dan akan memanfaatkan peluang berkenaan untuk mendapatkan ilmu-ilmu melalui perkongsian bersama belia-belia daripada negara yang lain.

Beliau turut berharap rakan-rakan delegasi yang lainnya akan dapat sama-sama mendapatkan pelbagai idea-idea baharu untuk dibawa balik ke Brunei bagi sama-sama membantu memajukan negara.

Selain daripada itu, Abdul Waaliummul Fadzl turut menyatakan mereka juga akan berusaha sedaya upaya untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam kepada belia-belia yang menghadiri persidangan itu nanti.

JENESYS merupakan sebuah program pertukaran belia yang dianjurkan dan ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Jepun sejak tahun 2007 untuk menjalinkan hubungan dua hala dan persahabatan, di samping mempromosi nilai-nilai budaya, adat resam dan memahami cara hidup masyarakat Jepun.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk mempromosikan persefahaman dalam kalangan rakyat dan penduduk Jepun dan rantau Asia-Pasifik juga membina asas persahabatan dan kerjasama

menyertainya.

Selain daripada itu, setiap peserta dikehendaki menyediakan pembentangan laporan mengenai tema program, iaitu Pengakap dan Toleransi yang dijalankan oleh Persekutuan Pengakap di negara masing-masing, Sharjah untuk semua dan semua untuk Sharjah juga menjawab ujian kefahaman secara dalam talian (*online*) Sesi Selamat daripada Bahaya.

Program perhimpunan tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Ahli Majlis Tertinggi Emiriyah Arab Bersatu, Tuan Yang Terutama Shaik Dr. Sultan bin Mohammad El-Qasemmi; dan Gabenor Sharjah, Tuan Yang Terutama Shaik Dr. Sultan bin Mohammad El-Qasemmi.

Penyertaan bagi jemputan program berkenaan adalah Penyertaan Kali Ke-8, di mana Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam menghantar seorang Ahli Pengakap Kelana bagi menyertainya.

Satu majlis bagi mengucapkan selamat berlayar dan penyerahan bendera kebangsaan disampaikan oleh Ketua Pesuruhjaya Pengakap, Haji Badar bin Haji Ali kepada Abdul Rahim, yang diadakan di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Jalan Gadong.

bagi masa hadapan. Program tersebut juga dapat menggalakkan pemahaman mengenai ekonomi, masyarakat, sejarah, kepelbagaian budaya, politik dan hubungan diplomatik Jepun.

Para peserta ini nanti akan dibahagikan kepada lima kumpulan mengikut tema yang disediakan oleh pihak pengajur, iaitu Over Tourism and Sustainable Tourism Development, Foreign Workers, Quality Education, Food Loss dan



**DOA Selamat dibacakan bagi para perwakilan belia yang menyertai JENESYS 2019 Inbound Program Students Conference, yang diadakan selama sepuluh hari, bermula 9 hingga 18 Februari 2020 di Tokyo, Jepun.**

## Kes Pertama Positif Coronavirus warga tempatan - PALSU!

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Berikut dengan penyebaran maklumat dari Twitter melalui seorang yang bernama 'Angula' yang menyatakan terdapat Kes Pertama Positif Coronavirus di Negara Brunei Darussalam yang dihidapi oleh seorang warga tempatan yang pulang dari Republik Rakyat China selepas menyambut Tahun Baru Cina di negara tersebut, di mana tular di media sosial melalui Twitter, Whatsapp dan Facebook, kementerian ini ingin menjelaskan bahawa penyebaran maklumat tersebut adalah tidak benar dan disebarluaskan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Oleh yang demikian, orang ramai adalah dinasihatkan untuk tidak berasa cemas dengan penularan maklumat yang tersebar tersebut. Setakat ini, tidak ada kes jangkitan Coronavirus baru (2019-nCoV) didapati di Negara Brunei Darussalam. Kementerian Kesihatan ingin menasihatkan kepada orang ramai supaya tidak mudah terpedaya dan percaya akan maklumat-maklumat dan berita yang disebarluaskan melalui internet atau melalui media-media lain seperti Whatsapp, Twitter dan Facebook tanpa memastikan kesahihannya. Seterusnya orang ramai juga diperingatkan untuk lebih bertanggungjawab dan tidak turut menyebarluaskan sebarang perkara yang tidak disahkan oleh kementerian ini.

Perbuatan menyebarkan maklumat tidak sahih, apakah lagi yang palsu dan direka oleh mereka yang semata-mata berniat untuk mengelirukan adalah menjadi kesalahan dan boleh dilaporkan di bawah perundangan Akta Ketenteraman Awam, Penggal 148 (Public Order Act, Cap 148) Seksyen 34, iaitu sesiapa yang sama ada menggunakan lisan atau tulisan atau menggunakan sebarang cara, menyebarkan laporan yang salah atau membuat kenyataan yang salah, yang menyebabkan ketenteraman awam terganggu boleh dipenjara tiga tahun dan denda sebanyak BND3,000.

Untuk maklumat lanjut, orang awam boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan, [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi menerusi Talian Nasihat Kesihatan di +673 238 1380 atau +673 238 1383 atau Talian Darussalam 123.

## ...Sekitar Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah...

# Lepasan Ijazah bakal pemimpin, penerus survival bangsa, negara

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 8 Februari. - Peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah merupakan bakal pemimpin yang akan meneruskan *survival* bangsa dan negara.

Sejak dengan perkembangan mereka perlu diberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara agar nanti dapat mengimbangi pengetahuan akademik dan peluang pekerjaan yang lebih mencabar.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan

program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah buat kali pertama bagi tahun 2020 yang bermula hari ini hingga 14 Februari 2020.

Seramai 15 peserta terdiri lima lelaki dan 10 perempuan dari Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei, International Graduate Studies College Brunei, Universiti Marmara dan Universiti Al-Azhar menyertainya selama enam hari lima malam di Daerah Temburong.

Terdahulu, Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Sastra Sarini binti Haji Julaini selaku tetamu kehormat dalam

ucapannya menjelaskan bahawa program ini akan menjadi salah satu platform bagi mempersiapkan para peserta khususnya lepasan-lepasan ijazah mengharungi pelbagai cabaran masa depan dan mempersiapkan diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdiskusi tanpa mengharap bantuan orang lain.

Menurutnya, segala ilmu dan pengalaman yang diperolehi sepanjang perkampungan sivik ini digunakan sepenuhnya untuk menjadi *the best among the best* terbaik dalam kalangan yang terbaik.

"Zaman sekarang sudah berubah. Pada masa ini bukan lagi seperti dahulu di mana apabila sahaja kita tamat pengajian dan

mendapat ijazah, kita akan mudah sahaja mendapat pekerjaan. Namun demikian, apa yang penting bagi setiap peserta adalah sentiasa berperanan dalam mendukung matlamat dan aspirasi Negara dengan cara memberikan sumbangan-sumbangan positif dan melibatkan diri secara langsung apatah lagi sebagai seorang yang lebih intelektual, berfikiran matang da menjadi model insan dalam menjalani kehidupan sehari-hari," jelasnya.

Majlis diteruskan dengan taklimat mengenai program perkampungan sivik yang disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan selaku tetamu kehormat semasa berucap.



SERAMAI 15 peserta terdiri lima lelaki dan 10 perempuan dari Universiti Brunei Darussalam, Universiti Teknologi Brunei, International Graduate Studies College Brunei, Universiti Marmara dan Universiti Al-Azhar menyertai Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

### Tip Pendidikan




## Jom ikut LAPAN tip mudah ini untuk kuasai penulisan karangan Bahasa Inggeris!

- Baca arahan terdahulu sebelum terus membaca ayat soalan.
- Cari sebanyak mungkin kata kunci dan pembayangan dari ARAHAN.
- JANGAN lupa untuk gariskan kata kunci atau pembayangan. Ini bagi memudahkan pelajar agar tidak mengulang baca beberapa kali untuk kepastian.
- Rancang penulisan atau jalan cerita para pelajar. Buat RANGKA terlebih dahulu.
- Pelbagaikan corak ayat penulisan agar ia lebih menarik dan tidak menampakkan stereotaip.
- Pastikan calon mengambil kira jumlah PERKATAAN yang ditulis bagi mengelakkan para pelajar 'melangkau' arahan yang diberi.
- Semak semula ejaan dan penanda wacana seperti huruf besar dan noktah.
- Wajib bagi para pelajar untuk baca semula semua jawapan dan karangan yang telah siap bagi mengenal pasti kesilapan dan segera perbaikinya.

# ...Sekitar Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah...

## Mengenali erti kerja berpasukan



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020 mendengarkan taklimat daripada jurulatih Outward Bound Brunei Darussalam (kiri), sementara gambar atas, para peserta menyertai salah satu aktiviti yang diadakan, iaitu Ice Breaking.

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

**TEMBURONG**, Ahad, 9 Februari. - Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020 anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri kali ini diadakan di Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD),

Daerah Temburong.

Program tersebut diadakan selama enam hari lima malam bermula pada 8 Februari hingga 13 Februari 2020.

Seramai 15 peserta, iaitu lima peserta lelaki dan 10 peserta perempuan yang terdiri daripada Lepasan Ijazah Universiti Brunei

Darussalam (UBD), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Universiti Marmara dan Institusi Pendidikan Tinggi yang lain.

Program Perkampungan Sivik kali ini mengandungi beberapa siri aktiviti, lawatan dan ceramah yang bermanfaat dalam meningkatkan pengetahuan dan pengalaman berkaitan dalam proses mencari pekerjaan juga memberikan kefahaman dan maklumat terkini mengenai

hal ehwal negara juga kerajaan.

Sesi ke-4 dan sesi ke-5 di hari kedua diteruskan lagi di OBBD, Daerah Temburong, di mana para peserta mengikuti program Ice Breaking, iaitu sesi suai kenal sesama peserta.

Selain itu, mereka juga mengikuti aktiviti keselamatan, aktiviti Washing Machine, aktiviti Trust and Fall, aktiviti Flying Fox dan Team Building.

Program hari ini secara tidak langsung memupuk sifat kepimpinan dan meningkatkan semangat kerja berpasukan juga mengeratkan hubungan silaturahim melalui aktiviti-aktiviti berpasukan.

Salah seorang peserta program tersebut, iaitu Muhammad Qutbul Islam bin Haji Suhami, Lepasan Ijazah dari UTB menyambut baik akan program tersebut kerana mereka berpeluang menikmati udara hutan yang segar dan pemandangan yang menyeronokkan, di samping mengikuti aktiviti yang disediakan oleh Jurulatih OBBD yang mengajar mereka erti kerja berpasukan dan percaya dengan rakan sekumpulan.

Sementara itu, menurut salah seorang peserta perempuan, Nurmunira Naqiyah binti Syafiee, Lepasan Ijazah dari UBD, menerusi program tersebut, mereka dapat berkenalan bersama peserta dari negara sendiri juga dari luar negara.

Mereka juga berpeluang berkongsi ilmu dan bertukar-tukar pendapat dan melalui aktiviti yang diadakan, ia memberikan kepercayaan kepada diri sendiri supaya lebih yakin dengan diri sendiri dan dapat menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang.



ANTARA aktiviti yang dilakukan oleh para peserta pada hari kedua program, yang diadakan di Daerah Temburong, bertujuan untuk memupuk sifat kepimpinan dan meningkatkan semangat kerja berpasukan juga mengeratkan hubungan silaturahim melalui aktiviti-aktiviti berpasukan (atas kiri, atas kanan dan kiri bawah).



MUHAMMAD Qutbul Islam bin Haji Suhami, Lepasan Ijazah dari Universiti Teknologi Brunei.



NURMUNIRA Naqiyah binti Syafiee, Lepasan Ijazah dari Universiti Brunei Darussalam.

# سروال سوچي

## معهیاسی دیری دعن صفة صبر

جماعه يع در حمی الله،  
رسول الله ﷺ اد مغاجرکن ساتو کلیمة يع مغوبیاکی کیرکن دان  
کمولیان یایت اوچن إسترجحع يع دلفظکن کیک متاده مصیبه، درقد آم  
سلامه رضی الله عنها، دی فرنہ منادر رسول الله ﷺ بر سیدا:

ما من مُسْلِمٌ ثُبَيْثَةَ مُصَبِّيَةَ فَيَقُولُ مَا أَمْرُهُ اللَّهُ : إِنَّ اللَّهَ وَإِنَّ إِلَيْهِ رَاجِحُونَ ،  
اللَّهُمَّ أَجْرِنِي فِي مُصَبِّيَتِي وَأَخْلُفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا  
إِلَّا أَخْلُفُ اللَّهُ لَهُ خَيْرًا مِنْهَا  
{ رواه الإمام مسلم }

مقصودن:

افیل اد مشورغ مسلم يع مفعالی مصیبه، لاو دی مغاوچنکن کلیمة  
سفرت يع الله فریتهکن، "إِنَّ اللَّهَ وَإِنَّ إِلَيْهِ رَاجِحُونَ"، يا الله بربکنله مهلا اننوق  
مصیبه کو، دان کننیکن اننوقکو دعن سوات يع لبه بایک درین. مک الله  
اکن میریکن کننی اننوق دعن يع لبه بایک.

صبر ایت اداله آنو کرہ تراینده يع منحنیکن قلبانکی کرناں دان  
کننچارن درقد الله سبحانه و تعالی. انتاران؛ مغوبیاکی کدودقن تیغکی دیسیسی  
الله سبحانه و تعالی، متاده کامقون دان رحمة سرت فتوحیوک درقد الله سبحانه  
و تعالی دان متاده بالسن يع لبه بایک درقد الله سبحانه و تعالی.

سروکوکن دعن شرک الله سبحانه و تعالی. این کران کننچارن باکی اورع ۲ يع  
مند کننکن دعن شرک الله سبحانه و تعالی. این کران کننچارن باکی اورع ۲ يع  
صبر ایت اداله شرک داخیرة کلک، فرمان الله سبحانه و تعالی دالم سوره الرعد، آیة  
۲۴-۲۳

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الْأَرْجُمَ

جَنَّتُ عَذَنْ يَدْخُلُوهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ أَبْيَاهُمْ وَأَرْجُوْهُمْ وَذَرْتُهُمْ  
وَالْمَلَائِكَةَ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ وَنَحْنُ كُلُّ بَارِ { سَلَّمَ عَلَيْكُمْ بِمَا صَرَّبْتُمْ فَيَعْمَلُونَ  
عَقْنَ الدَّارِ } صَدَقَ اللَّهُ الْأَعْظَمُ

تفسیرن:

(یایت) شرک ۲ عذن، مریک ماسوک کدالمن برسام-سام اورع ۲ يع  
مفرحاکن عمال صالح درقد باف ۲ دان داتوق نیپن مریک دان إستري ۲  
مریک سرت ذریة کتورون مریک، سدغ ملاکة ۲ اکن ماسوک کنمفت-  
نمفت مریک دری سموا فیتو. سبیل مغاوچنکن سلام کاتس کامو دسیسکن  
کصیران کامو. مک ایتلہ سپایک-بایک نمفت کسودهن داخیرة.

جماعه يع در حمی الله،  
لہتله سبیل اوجین دان دوکان هیدوف ایت دعن سعکان يع بایک  
کران والوقن صبر ایت فاہیت تناہی فغهیو جوشن اداله إینده دان مانیس. ایغتلہ،  
الله سبحانه و تعالی اکن ستیاس برسام کیت سباکیمان يع دجنجیکن ددام  
القردان بھوا الله سبحانه و تعالی ستیاس مغاسیحی دان برسام-سام اورع ۲ يع  
صر.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الْأَرْجُمَ

وَاللَّهُ سُبْحَانَ الْأَصْمَيْنِ { صَدَقَ اللَّهُ الْأَعْظَمُ }  
{ سوره آل عمران آیة ۱۴۶ }

تفسیرن:

دان ایغتلہ الله ستیاس مغاسیحی اورع ۲ يع صبر.

بارک الله لنا في القرآن العظيم، ونفعنا بالأيات والآيات الحكيم. وتقىل مثنا  
تلاؤته إنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي لَكُمْ وَلِسَاتِي الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَأَسْتَغْفِرُهُ فَيَا فَزُّ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا حَمَّا  
الثَّانِيَنَ.

بر تقوی له کند الله سبحانه و تعالی دعن سیتر-بر تقوی یایت دعن  
منیغکن کلیمانن کقندن. سسغکوکن اورع يع فالیغ مليا دیسیسی الله سبحانه  
و تعالی ایاله اورع يع فالیغ بر تقوی. مدھمداهن کیت منجادی انسان يع  
ستیاس مغایعیتی الله سبحانه و تعالی، براوله کچیان دان کسلامن دنیا دان  
جوک داخیرة.

جماعه يع در حمی الله،

أَكَامَ كَيْتَ مُونَتُوتَ كَيْتَ سِلَاكُوْ أَوْمَنَ انْتُوقَ مِيلِيكِي صَفَةَ ۲ مَحْمُودَةَ  
یایت تو قوچی دان ملارغ اومعن درمی بر صفة کچی اننوق منجاجی کیهکیان  
دان کچیان دالم کھیدوون دنیا دان آخرة. إمام الغزالی رحمة الله تعالى دالم کتابی  
الآربعین في أصول الدين تله مغکاریسکن سقولوه صفة م محموده یایت تو بیه،  
خوک (ناکوت کقند الله)، مغایعیتی ماتی، مجتہ (کاسیه سایع)، رُهُد  
(منیغکلکن کسناثن دنیا)، توکل، إخلاص، شکور، رضاء دان صبر.

سروکوکن معهیاسی دیری دعن صفة صبر اداله أخلاق دان سیکف  
اورع يع مليا. صبر اداله سنجات يع فالیغ امقوه دالم مغهادی فلایکی اوجین،  
مصبیه دان کسوسنهن. این کران دعن سیکف صبر اکن سکل کنستان دان  
برتیندق دلوار باتس فیمکردن. اورع يع ستیاس بر سیکف صبر اکن سکل کنستان دان  
براس نیش، تیدق موذه میراه کاله دان تیدق فرنہ میشکل اکن سکل کنستان دان  
کنستان الله سبحانه و تعالی کاتسن دالم مغهادی جرجان، کسوسنهن دان  
کفایهن هیدوف. دالم سیواه حادیث يع دروایتکن اوله إمام البخاری، درقد آبو  
هریبة رضی الله عنہ، رسول الله ﷺ بر سیدا:

مَنْ يُرِدُ اللَّهُ يَهْ خَيْرًا يُصْبِتْ مِنْهُ

مقصودن:

بار غسیاف يع دکھنیکی الله منجادی اورع بایک مک ای دبرین جویان.

جماعه يع در حمی الله،  
الله سبحانه و تعالی تیدق اکن میری اوجین دان دوکان دلوار کممقوان  
ھبای-ھبایا. اوله ایت، کدغکلا کیت داوجی دعن بریاکی-باکی اوجین  
سیاد اوجین کسنثن ماھوکون کسوسنهن، اوجین هرتا-بند سیاد کچیان اتو  
کمیسکین، بکیتو حوك اد کلان کیت داوجی دعن تکن هیدوف سرفت  
تکانن سوسیال، لغوسی دان ایکونومی سرفت دالم حال هوتح فیون، رومه  
تفکاک، کلوارک دان سیاکین.

اوله يع دمکین، جک کیت دیتمقا اوجین دان مصبیه، جاعشه بر سیکا  
بوروق ترهادف الله سبحانه و تعالی دان برآشکن بهوا کیت اداله اورع يع  
قالیغ مالغ. کیت واچ برصیر کران سبیل اوجین ایت فسی اد حکمه  
دسبایقن. بر سیکا باکله ترهادف سکل کنستان دان کنستان الله سبحانه  
و تعالی سرفت بر او سهاله مغهادی اوجین ترسیوت دعن منجادی حالن ثیلسین،  
دستقیع بر دعاء، بر توکل دان لبه مند کننکن دیری کقند الله سبحانه و تعالی.  
سسغکوکن اوجین ایت اداله اننوق مغوری سجاوه مان کقواقن یامان دان  
کصیران کیت. درقد سهیب ای بر کات، بر سیدا رسول الله ﷺ:

عَجَّلَ لِأَمْرِ الْمُؤْمِنِ إِنَّ أَمْرَهُ كُلُّهُ خَيْرٌ، وَلَيْسَ ذَلِكَ لِأَخْدُ إِلَّا لِلْمُؤْمِنِ،

إِنَّ أَصَابَتْهُ سَرَّاءٌ شَكَرٌ، فَكَانَ خَيْرًا لَهُ، وَإِنَّ أَصَابَتْهُ ضَرَّاءٌ صَبَرٌ،

فَكَانَ خَيْرًا لَهُ { رواه الإمام مسلم }

مقصودن:

آمة منعوکن اوروسن مشورغ مؤمن کران سبیل اوروسن اداله بایک  
دان ایت تیدق اکن برلاکو کقند مشورغ فون کھوالی کقند مشورغ مؤمن (یع  
سمورنا کلیمانن). جک دی متاده سسوات يع مغمیر اکن دی بر شکور، مک  
ایت اداله کیاکن باکین. جک دی دیتمقا کسوسنهن دی بر صیر، مک ایت  
اداله کیاکن باکین.

ایغتلہ، اوجین ایت اداله ساتو فطره دالم کھیدوون کران دعن اوجین  
اکن منجادیکن دیری کیت لبه دیواس، لبه تابه، لبه صبر دان لبه مخنل  
ککوسان دان کسیران الله سبحانه و تعالی.


**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYAR! [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

**PERATURAN 7(A)**
**BILANGAN IKLAN 12/02/20 (SPA/BIKL)**

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**TARIKH IKLAN: 10 FEBRUARI 2020**
**TARIKH TUTUP: 24 FEBRUARI 2020**
**1. PEMBERSIH PEJABAT**
**F.1-2-3 EB.4**
**BAHAGIAN V**
**JABATAN-JABATAN KERAJAAN**
**KEKOSONGAN = SATU (01)**
**2020/005/07**
**PERATURAN 38(B)**
**BILANGAN IKLAN 10/2020 (SPA/BIKL)**

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan.

**TARIKH IKLAN: 10 FEBRUARI 2020**
**TARIKH TUTUP: 24 FEBRUARI 2020**
**1. PEGAWAI PERIKANAN KANAN**
**B.3**
**BAHAGIAN II**
**JABATAN PERIKANAN**
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA**
**DAN PELANCONGAN**
**KEKOSONGAN = SATU (01)**
**2020/005/06**
**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)



JABATAN  
KERJA RAYA  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN


DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR  
DI DALAM KELAS : V & VI SAHAJA  
KATEGORI : [KA01]

**TARIKH TUTUP TAWARAN PADA :**  
3 MAC 2020 (SELASA)  
JAM 2.00 PETANG

**BILANGAN :**  
JKR / DOR / SRM 03 / 2020

NAMA PROJEK :  
KERJA-KERJA PEMBAIKAN JALAN  
RAYA DI HIJAU BAIDURI,  
BUKIT KAYANGAN

YURAN TAWARAN :  
BND100.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)



JABATAN BOMBA  
DAN PENYELAMAT  
KEMENTERIAN  
HAL EHWAH  
DALAM NEGERI

**IKLAN TAWARAN LELONG TERTUTUP**

1. 1 UNIT MERCEDES BENZ 709 / 42  
BG 7659
2. 1 UNIT MERCEDES BENZ SPRINTER  
BG 5830
3. 1 UNIT PERAHU FIBRE BG 0260
4. 1 UNIT PERAHU FIBRE BG 0261

**KETERANGAN TAWARAN :**

i. TAWARAN hendaklah imasukkan ke dalam Peti Tawaran yang dialamatkan kepada :

PENGERUSI  
JAWATANKUASA TAWARAN  
SEBUT HARGA  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT  
JALAN TERBANG LAMA  
BERAKAS, BB3510  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

- ii. Tarikh tutup tawaran adalah pada Khamis, 13 Februari 2020, jam 9.00 Paggi.
- iii. Tawaran adalah dibukakan kepada orang ramai yang berminat untuk membuat tawaran.
- iv. Borang dan pembayaran sebanyak BND10.00 setiap borang tawaran dan tidak akan dikembalikan boleh didapati dari Bahagian Kewangan, Tingkat bawah [Ground Floor], Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.
- v. Penender-penender bolehlah melihat kenderaan berkenaan di cawangan Balai Bomba Beribi bagi perkara 1, Balai Bomba Berakas bagi perkara 2 dan Balai Bomba Pelancaran bagi perkara 3 dan 4, Bandar Seri Begawan semasa waktu pejabat.



PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI



PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI

1. BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ASSET / BUUMM /  
CONTRACT/ 2020 / 2 / 1

TAJUK TAWARAN :  
'QUOTATION TO SUPPLY,  
DELIVERY AND INSTALLATION OF  
HARD PLASTIC CAR STOPPER AND  
OTHER RELATED WORKS AT  
THE LAW & COURT BUILDING,  
ATTORNEY GENERAL'S  
CHAMBERS'

2. BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ASSET / BUUMM / QTN /  
2020 / 2 / 2

TAJUK TAWARAN :  
'QUOTATION FOR SUPPLY,  
DELIVERY AND INSTALLATION  
WORKSTATIONS AT THE LAW &  
COURT BUILDING, ATTORNEY  
GENERAL'S CHAMBERS'

3. BILANGAN TAWARAN :  
PPN / ASSET / BUUMM / QTN /  
2020 / 2 / 3

TAJUK TAWARAN :  
'QUOTATION TO PROVIDE  
LABOUR AND MATERIALS FOR  
THE INSTALLATION OF  
EMERGENCY PUSH BAR AT THE  
LAW & COURT BUILDING,  
ATTORNEY GENERAL'S  
CHAMBERS'

TARIKH TUTUP :  
Selasa, 18 Februari 2020  
tidak lewat dari  
jam 2.00 Petang



**JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN**

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA  
JABATAN PERIKANAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER  
UTAMA DAN PELANCONGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
IKAN / 78(Q) / 0011 / 2020

**TAJUK SEBUT HARGA :**  
DAILY GENERAL CLEANING  
SERVICES AT DEPARTMENT OF  
FISHERIES FOR THE MONTHS  
OF MARCH 2020 UNTIL  
FEBRUARI 2021

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
IKAN / 78(Q) / 0012 / 2020

**TAJUK SEBUT HARGA :**  
KERJA-KERJA PERKHIDMATAN  
PEMBUANGAN DAN  
PENGANGKUTAN SAMPAH  
SECARA BULANAN DARI BULAN  
MAC 2020 HINGGA BULAN  
FEBRUARI 2021 BAGI JABATAN



**PERIKANAN**

**TARIKH TUTUP :**  
Isnin, 17 Februari 2020  
jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN  
HAL EHWAL UGAMA**

**BIL. TAWARAN :**  
KHEU / BDP / 164 / 295 / 2019

**TAJUK :**  
TO REPLACE THE EXISTING  
WITH NEW SIGNBOARD FOR 'NAMA  
KUBUR & ADAB  
MENZIARAH KUBUR'  
AT BELAIT DISTRICT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TARIKH TUTUP :**  
RABU, 4 MAC 2020, 2.00 PETANG



**KEMENTERIAN  
HAL EHWAL UGAMA**



**BIL. TAWARAN :**  
KHEU / BDP / 164 / 294 / 2019

**TAJUK :**  
REPAIR WORKS TO  
BANGUNAN TAMBAHAN  
KEMENTERIAN HAL  
EHWAL UGAMA  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**TARIKH TUTUP :**  
RABU, 26 FEBRUARI 2020,  
2.00 PETANG



**JABATAN PENTADBIRAN DAN  
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN**



TAWARAN RANCANGAN  
PEMAKANAN SEKOLAH  
BAHAGIAN ASRAMA MAKAN

**BILANGAN TAWARAN :**  
MOE / LTK / 90 / 2019 / 2020  
(DA[BPPA-JAN-2020])

**KETERANGAN :**  
TAWARAN MEMBEKAL DAN  
MENGHANTAR KEPERLUAN  
RANCANGAN PEMAKANAN  
SEKOLAH ASRAMA MAKAN BAGI :  
1. SEKOLAH RENDAH DATO  
MAHARAJA SETIA DIAN  
SUKANG 2.  
SEKOLAH RENDAH MELILAS  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN,  
DAERAH BELAIT  
[KOD BLOK : AM/01]  
BAGI TEMPOH SATU  
[1] TAHUN



**JABATAN DAERAH TUTONG  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

TAWARAN JABATAN  
DAERAH TUTONG,  
KEMENTERIAN HAL EHWAL  
DALAM NEGERI, NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM.

**TAWARAN SEBUT HARGA**  
BIL. SEBUT HARGA :  
JD - TUT / KHEDN / Q.01 / 2020

PROVISION OF SECURITY GUARD  
SERVICES FOR TUTONG  
DISTRICT OFFICE,  
MINISTRY OF HOME AFFAIRS,  
BRUNEI DARUSSALAM

**TARIKH TUTUP TAWARAN :**  
ISNIN, 17 FEBRUARI 2020  
JAM 2.00 PETANG



**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**KENYATAAN TAWARAN**

**I. BILANGAN TAWARAN :**  
(10) NDMC / TSH / 2019-2020

**TAJUK TAWARAN :**  
TO SUPPLY AND DELIVERY OF  
ASSETS AND LOGISTIC FOR  
DISASTER OPERATION AT  
THE NATIONAL DISASTER  
MANAGEMENT CENTRE

**YURAN TAWARAN :**  
BND5.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

**TARIKH TUTUP :**  
Rabu, 12 Februari 2020  
(tidak lewat  
jam 2.00 Petang)



**OUTWARD BOUND  
BRUNEI DARUSSALAM  
(OBBD) KEMENTERIAN  
KEBUDAYAAN, BELIA  
DAN SUKAN**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
KKBS / OBBD / F-004 (03-2020)

**TAJUK SEBUT HARGA :**  
KERJA-KERJA PEMULIHAN  
SISTEM PENAHAN KILAT DI  
KEM BATANG DURI,  
OUTWARD BOUND BRUNEI  
DARUSSALAM

**Tarikh Akhir Mengambil Borang :**  
11 Februari 2020 (Selasa)

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**  
13 Februari 2020, jam  
2.00 Petang (Khamis)



**UNIT TEKNOLOGI  
MAKLUMAT DIVISIEN  
PENGURUSAN KORPORAT  
KEMENTERIAN  
PEMBANGUNAN**



**NOTIS SEBUT HARGA**

**BIL. SEBUT HARGA :**  
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2019 / Q51  
INVITATION TO SUPPLY AND  
DELIVERY OF HP PRINTER  
PRINTING TONER HP307A FOR  
MINISTRY OF DEVELOPMENT,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Bayaran Sebut Harga :**  
BND10.00 (tidak dikembalikan)

**Tarikh Buka :**  
10 Februari 2020 (Isnin)

**Tarikh Tutup :**  
17 Februari 2020 (sebelum 9.00 Paggi)

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**  
11 FEBRUARI 2020

[Tidak lewat  
jam 2.00 Petang]

# IKLAN



## MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 561 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MAHDINI BIN HAJI MOHIDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH ASMAH BINTI HAJI KAHAR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 562 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMAD ISMANDI BIN HAJI MOHIDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH SETI FATIMAH BINTI ABDULLAH** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 563 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI SABRI BIN HAJI MOHD. TAHA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH ROSNI BINTI MOSLEY** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **SUAMI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 564 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI AZLAN BIN HAJI SALLEH** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH ZAIMAH BINTI KASIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 565 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI MOHAMMED ISMANDI BIN HAJI MOHIDDIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI MOHIDDIN BIN IBRAHIM** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 566 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **SITI MAIHANI BINTI HJ. MD. NOOR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH JIAH BINTI MUAMAT / MOHAMMAD** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ANAK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 567 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJI ZAKARIA BIN HAJI ALI AHMED** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **LAILI BINTI ALI AHMED** yang telah

meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 568 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NIRACHA HANANI PARKKAEW BINTI ABDULLAH @ NIRACHA PARKKAEW** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **PENGIRAN MOHAMAD BIN PENGIRAN HAJI METALI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 569 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HAJAH SITI SYUHAIDAH BINTI HAJI ZAIMIN** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJAH MAHAL BINTI HAJI SABTU** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **CUCU PEREMPUAN** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **18 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 583 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **HJH. ZAITON BINTI HJ. MOHD. ALI @ ANNA** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **HAJI OMAR BIN HAJI MANAF / HAJI MUNAP** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ISTERI** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 584 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NUN EZHAM BIN HAJI ABDULL GANI** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHD. JAFFRI BIN MOHD. TAHIR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **MENANTU** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 585 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **NETTY YENI KHAIRINI BINTI JA'AFAR** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **ABDUL KHALID BIN JA'AFAR** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam MAHKAMAH BANDAR SERI BEGAWAN pada **25 FEBRUARI 2020, jam 9.00 Pagi**.

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada MAHKAMAH PEGAWAI WARIS, BANDAR SERI BEGAWAN sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 2 Januari 2020.

### SURAT KUASA PUSAKA : NO. LA / BSB / 586 / 2019

#### KENYATAAN

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **JULIANA SIM BEE LENG** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **CLARISSA RACHELLE TEW SIEW HUI** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **IBU** kepada si

**HALUAN**
**MTIC pastikan negara berstatus Smart Nation**
**Dari muka 2**

b) Perkembangan dasar-dasar baru dari segi penelitian semula hala tuju dasar dan urus tadbir sektor infokomunikasi juga telah pun selesai dilaksanakan pada penghujung Disember 2019. Dalam kesempatan ini, perama / kaola / saya ingin mengongsikan beberapa perkembangan, iaitu :

i. Pertama, penyerapan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan dan Overall Government CIO yang sebelum ini di bawah Jabatan Perdana Menteri serta Bahagian Digital Nation di bawah Kementerian Tenaga, ke MTIC. Dengan penyerapan ini, penyelarasan yang lebih menyeluruh ke atas projek-projek Digital Government serta fungsi-fungsi pembangunan industri ICT kini ditempatkan di bawah MTIC. Satu Sesi Muzakarah bersama CIO kementerian - kementerian dan institusi pengajian tinggi telah pun diadakan pada 12 Disember 2019. Dengan penyelarasan ini, insyaAllah dihasratkan untuk memudahkan lagi penggubalan dasar dan pelaksanaan inisiatif tersebut dengan lebih fokus oleh

Agensi-Agenzi pelaksana seperti AITI, EGNC, OGCIO dan Smart Nation / Digital Government Office di bawah satu bumbung dasar autoriti kementerian;

ii. Kedua, bagi penubuhan Cyber Security Brunei (CSB) sebagai agensi kebangsaan yang khusus dalam keselamatan siber. Pada masa yang sama, penggubalan akta berkaitan keselamatan siber juga sedang berjalan. Walaupun penubuhan CSB ini masih dalam peringkat awal, perkhidmatan-perkhidmatan utama dalam keselamatan siber iaitu Cyberwatch, National Digital Forensic Laboratory dan BruCERT, memang sudah dijalankan oleh Syarikat IT Protective Security Sdn. Bhd. (ITPSS) dengan kerjasama Jabatan Keselamatan Dalam Negeri selaku pusat keselamatan siber interim pada masa ini;

iii. Ketiga, perkembangan dasar yang terbaru adalah bagi Bahagian Sains, Teknologi dan Innovation yang sebelum ini di bawah Kementerian Tenaga kini juga ditempatkan di bawah MTIC. Turut dipindahkan ke MTIC adalah Brunei Research Council (BRC) dengan mengambil kira kaitan rapat kerja-kerja

penyelidikan ke arah kemajuan di dalam sains, teknologi dan inovasi, yang sekali gus menyumbang kepada perkembangan industri di negara ini, insyaAllah.

c) Beralih kepada perkembangan industri, Alhamdulillah penyusunan semula struktur industri infokomunikasi sedang giat berjalan juga pada masa ini. Saya telah difahamkan dengan penyatuan infrastruktur telekomunikasi di bawah Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN), pengguna sudah mula dapat menikmati peningkatan dari segi kualiti perkhidmatan *mobile broadband*. Pengguna sudah dapat menerima perkhidmatan *mobile broadband* dua kali ganda lebih laju dari 4G di beberapa tempat. Ia bermaksud jika kitani mendapat perkhidmatan 4G di dalam telefon bimbit sebelum ini, secara purata (*on average*) kelajuan perkhidmatan 4G yang diterima adalah 30Mbps. Manakala dengan perkhidmatan 4G+ yang sedang dilaksanakan ketika ini, secara puratanya kelajuan meningkat kepada 60Mbps.

d) Seterusnya, perama / kaola / saya telah difahamkan bahawa syarikat-syarikat penyedia perkhidmatan telekomunikasi

(TelCos) kini sedang giat merangka strategi baru dalam persediaan melancarkan produk dan perkhidmatan-perkhidmatan baru masing-masing. Ini adalah bagi memberi pilihan perkhidmatan - perkhidmatan telekomunikasi kepada orang ramai dengan harga yang lebih kompetitif.

e) Dalam mendukung penggunaan teknologi terkini sebagai pemangkin kepada perkembangan sosioekonomi, projek-projek rintis 5G juga sedang dalam perancangan di antara MTIC, AITI dan syarikat-syarikat berkenaan. InsyaAllah, projek-projek rintis ini akan meneroka penggunaan teknologi 5G dalam pelbagai aspek termasuk pengangkutan, pelancongan dan pendidikan.

**Kedua** - Pengukuhan dalam urus tadbir adalah sangat penting dalam memastikan sebarang rancangan dan juga inisiatif yang dijalankan adalah menepati visi dan sasaran yang telah diperuntukkan. Ke arah itu, pada tahun lepas 2019, struktur Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) telah diperkemaskin dengan pelantikan Timbalan Pengerusi di peringkat Timbalan Menteri dan bagi urus setia MKKJR untuk diketuai oleh Pengarah Jabatan Pengangkutan Darat (JP). Perubahan ini adalah sangat penting dalam mengangkat isu-isu keselamatan di jalan raya yang semakin ketara dan kerap. Alhamdulillah, dengan usaha-usaha penambahbaikan antara lainnya struktur jalan raya, Kempen-Kempen Keselamatan Jalan Raya, acara-acara keagamaan dan pendidikan secara Whole of Nation sepanjang dua tahun kebelakangan; 2018 hingga 2019, beberapa hasil signifikan telah pun dapat diperoleh.

Penurunan ketara dalam jumlah kes kemalangan jalan raya iaitu 1,203 kes pada tahun 2018 menurun ke 1,196 kes pada tahun 2019. Dari segi jumlah kemalangan yang menyebabkan kehilangan nyawa, trend telah menunjukkan penurunan yang ketara bagi dua tahun berturut-turut dari 2017 hingga 2019. Iaitu 41 peratus penurunan dari 2017 ke 2018 dan menurun lagi seterusnya sebanyak 23 peratus iaitu dari 17 kes bagi tahun 2018 ke 13 kes bagi tahun 2019. Sama-sama kita berharap serta dengan usaha gigih dan doa supaya kes-kes kemalangan ini akan terus menurun pada tahun-tahun seterusnya.

**Ketiga** - penekanan dalam keselamatan sama ada di dalam sektor pengangkutan dan infokomunikasi perhubungan adalah perkara yang sangat diambil berat. Melalui kempen-kempen pembarigan kepada orang ramai terutama sekali menggunakan media sosial dan juga kerjasama erat di antara agensi-agensi keselamatan dalam aspek penguatkuasaan, keselamatan orang ramai adalah prioriti utamabagi kementerian ini. Sepertimana yang perama / kaola / saya sebutkan sebelum ini, dalam memastikan keberadaan dan kesiap-siagaan agensi-agensi keselamatan dalam sektor pengangkutan, beberapa latihan keselamatan telah dijalankan pada penghujung tahun lepas, iaitu yang telah diungkayahkan oleh MPABD dan juga Jabatan Penerangan Awam. InsyaAllah, dengan usaha berterusan ini, aspek keselamatan bagi orang ramai adalah sentiasa terjaga dan terjamin.

**Keempat** - Di antara fungsi

utama kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya adalah juga bagi memudah cara perkhidmatan kepada orang ramai. Dalam sektor pengangkutan awam, penggunaan Intelligent Transport System (ITS) adalah sangat bermanfaat terutama sekali dengan penggunaan teknologi aplikasi dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai yang lebih efisien dan *reliable*. Dalam hal ini, bagi tahun 2020, MTIC berhasrat untuk melaksanakan beberapa pilot projek yang berunsurkan ITS ataupun Smart Public Transport.

**Kelima** - mengenai dengan pengkorporatan, Alhamdulillah sektor perkhidmatan pos sedang menuju ke arah satu modaliti pengkorporatan yang giat diusahakan oleh MTIC bersama pihak-pihak yang berkenaan. Dengan menyasarkan penubuhan sebuah entiti korporat pos pada Suku Pertama 2020, InsyaAllah pelaksanaan pengkorporatan ini dihasratkan untuk dijalankan secara terperinci dan teratur dengan kerjasama pihak-pihak berkenaan. Ke arah ini juga, pengemaskinian dasar-dasar yang berkaitan dengan pengurusan LTAB sedang giat dijalankan. Ini adalah termasuk mengadakan rebiu ke atas Airport Masterplan Study dengan penubuhan Jawatankuasa Pandu yang mempunyai ahli-ahli dari agensi-agensi yang berkaitan melalui pendekatan Whole of Nation.

**Keenam** - Di peringkat antarabangsa pula, kerjasama yang kukuh dengan negara-negara ahli ASEAN melalui perjanjian-perjanjian dan pelan tindakan yang konsisten adalah sebagai garis panduan kepada sebarang inisiatif-inisiatif yang akan dijalankan pada sektor pengangkutan dan infokomunikasi. InsyaAllah, pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam melalui MTIC akan menjadi tuan rumah dan pengerusi bagi Mesyuarat ASEAN Transport Ministers Meeting (ATM) dan Mesyuarat-Mesyuarat Yang Berkaitan dengannya, yang dijangkakan akan diadakan pada bulan November 2020 ini.

MTIC juga turut memberi perhatian dalam memanfaatkan jalinan kerjasama dengan negara-negara sahabat yang lain. Pada bulan November 2019, MTIC telah menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Republik Korea, iaitu untuk kerjasama dalam bidang ICT dan e-Kerajaan. Alhamdulillah, penandatanganan kedua-dua MoU ini telah disaksikan oleh Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Lawatan Negara baginda ke Republik Korea pada bulan November 2019 lalu. Dalam bidang pengangkutan pula, satu MoU juga telah ditandatangani dengan pihak Republik Korea khusus di dalam bidang penerangan awam pada November 2019.

Akhir sekali, perama / kaola / saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih, dan apa jua kekurangan adalah dipohonkan kemaafan dan apa jua *feedback*, adalah diterima dengan terbuka dan apa jua cadangan baik boleh kita sama-sama fikirkan bagi kebaikan bersama. Sekian terima kasih.

*Wabillahit  
Walhidayah Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh.*

**فرادوان مovidيو اعلان بهاس ملايو**  
**سقنا سمبوتن بولن بهاس ٢٠١٩**  
**PERADUAN MEMVIDEO IKLAN BAHASA MELAYU**  
**SEMPENA SAMBUTAN BULAN BAHASA 2019**

**Anjuran**  
**Dewan Bahasa dan Pustaka**  
**Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**  
**Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup: Sabtu, 02 April 2020**  
**Pukul: 4.00 petang**

# IMBASAN MINGGUAN

KEENAKAN makanan Iran menjadi tumpuan orang ramai di majlis pelancaran promosi buffet cita rasa Iran.  
- Foto : Hernie Suliana Haji Othman.



# Hargai sumbangan, penglibatan lepasan pelajar MSPSBS



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyampaikan sijil tamat pengajian kepada para graduan (kiri dan kanan).

**BERAKAS**, Sabtu, 8 Februari. - Seramai 209 pelajar pra universiti 2, Sesi 2014 - 2019 Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan (MSPSBS) yang menamatkan pengajian mereka, diraikan pada majlis yang berlangsung di Auditorium maktab berkenaan, di sini.

Majlis tersebut diadakan, antara lain bagi menghargai sumbangan dan penglibatan para pelajar dalam bidang kurikulum dan ko-kurikulum sepanjang mereka berada di MSPSBS.

Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Awang Johari berkata, maktab tersebut banyak menyediakan peluang kepada para pelajar untuk membangunkan diri mereka.

Menurutnya, semua peluang

berkenaan adalah penting bagi mengasah kemahiran hidup para pelajar terutama dalam kepimpinan, kerja berpasukan,

membuat keputusan dan membina keyakinan yang akan menentukan sejauh mana kejayaan mereka.

Dalam era Revolusi Industri

Keempat ini, jelas beliau, inovasi berterusan adalah kunci kepada kejayaan.

Oleh itu, beliau menyarankan

Berita dan Foto :  
Marlinawaty Hussin

para pelajar agar memperkuatkannya visi dan meneroka idea-idea, di samping memanfaatkan kapasiti mental mereka.

Beliau berkata, sumbangan para pelajar terhadap pembangunan negara adalah sangat penting dalam apa jua kapasiti menjelang tahun 2035.

"Sama ada dalam usaha perkhidmatan awam, menjadi usahawan atau membesarakan anak-anak, semua para pelajar akan memainkan peranan dalam menjadikan Wawasan Brunei 2035 sebagai satu realiti," katanya ketika berucap selaku tetamu kehormat majlis.

Beliau seterusnya menyampaikan Sijil Tamat Pengajian kepada para graduan.

Turut hadir, Ketua Kluster 3, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Siti Hawa binti Haji Md. Nor.



**MINDA PEMBACA**

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Langkah Memupuk Semangat Nasionalisme'. Tarikh Tutup : 12 Februari 2020
- 'Hasil Pertanian dan Perikanan Negara Penting'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2020
- 'Wujudkan Suasana Harmoni di Tempat Kerja'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2020

#### TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langku dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

#### SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

[pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Menangi  
**BND75**  
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

## Bantu kesan Rinawati!



RINAWATI binti Haji Ajamain, 40 tahun yang dipercayai lari dari rumah.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Februari. - Pasukan Polis Diraja Brunei melalui satu laporan yang dibuat di

Siaran Akhbar dan Foto :  
Pasukan Polis Diraja Brunei

Balai Polis Limau Manis meminta bantuan orang ramai untuk mengesan seorang wanita tempatan, Rinawati binti Haji Ajamain, 40 tahun pemegang nombor Kad Pengenalan 00-285883 (K) yang dipercayai lari dari rumah.

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya sila hubungi ke Balai Polis Limau Manis menerusi talian telefon +673 268 3037 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau melaporkan ke Balai-balai Polis berdekatan atau ke laman sesawang [www.police.gov.bn](http://www.police.gov.bn) juga Instagram @upa.ppdbs.

# Usaha menyemai cintakan negara diteruskan ke SMB



**PEGAWAI** Penerangan selaku Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan semasa menyampaikan Taklimat Kenegaraan Jabatan Penerangan di Dewan Serbaguna, Sekolah Menengah Berakas.



SERAMAI 134 Penuntut Tahun 7 Sekolah Menengah Berakas semasa mendengarkan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan.

**Siaran Akbar : Jabatan Penerangan**  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 8 Februari. - Seramai 134 Penuntut Tahun 7 dan Tenaga-tenaga Pengajar dari Sekolah Menengah Berakas (SMB) berpeluang mendengarkan Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei

Darussalam yang dianjurkan melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Tujuan Program Taklimat Kenegaraan diadakan adalah sebagai salah satu usaha berterusan

Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara, di samping mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera Negara dan lagu kebangsaan.

Taklimat Kenegaraan yang berlangsung di Dewan Sekolah Menengah Berakas itu disampaikan oleh Pegawai Penerangan selaku Ketua Unit

Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Awang Mohammad Hisyam bin Idris.

Dalam taklimat tersebut, beliau antara lain menyentuh mengenai raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para penuntut dan tenaga pengajar juga menyaksikan Klip

Video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Di samping itu, mereka juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.

## Taklimat Kenegaraan di Sekolah St. Angela, Seria



**PENOLONG** Pegawai Penerangan selaku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait ketika memberikan taklimat.



PARA penuntut Tahun 7 Sekolah St. Angela, Kuala Belait yang hadir pada Program Taklimat Kenegaraan anjuran Jabatan Penerangan (kiri dan kanan).



**Siaran Akbar : Jabatan Penerangan**  
Foto : Dk. Nur Hafifah Pg. Osman

**SERIA**, Sabtu, 8 Februari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Belait dan Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan

Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam di Sekolah St. Angela, di sini.

Program ini adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan

negara, di samping mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan raja, bendera Negara dan lagu kebangsaan

Seramai 21 penuntut Tahun 7 menghadiri program tersebut. Hadir sama, Pengetua Sekolah St. Angela, Ms.Cheah Wann Ching, juga para tenaga pengajar.

Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan selaku Ketua

Cawangan Penerangan Daerah Belait, Dayang Hajah Liyana binti Haji Suhaimi.

Dalam taklimatnya pada majlis tersebut, beliau, antara lain menyentuh mengenai raja Kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Klip Video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera

Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara' juga ditayangkan kepada para penuntut dan tenaga pengajar yang hadir.

Di samping itu, para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan. Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh pengetua kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



# Kerjasama berpasukan raih kejayaan

Oleh : Zawiyatun Ni'mah Mohamad Akir

Foto : Ihsan Norhadzrena Johari

**J**IKA memperkatakan soal bola sepak sememangnya sudah lama terkenal dalam negeri mahupun di luar negara. Pelbagai jenis perlawanan dan pertandingan diadakan dari semasa ke semasa.

Lensa Pelajar kali ini menjelajah ke Sekolah Menengah Katok yang ingin memaparkan penglibatan para penuntut sekolah tersebut dalam kelab bola sepak. Kelab Bola Sepak Sekolah Menengah Katok ditubuhkan pada tahun 2014 sejak tertubuhnya sekolah tersebut. Sejak itu, kelab tersebut banyak mengharumkan nama sekolah dengan pencapaian yang diperoleh.

Kelab ini merupakan kelab yang paling ramai penuntut menyertainya setiap tahun iaitu seramai 30 orang. Guru-guru yang mengendalikan kelab ini sentiasa bertukar-tukar setiap tahun yang terdiri daripada Mohd Azani bin Haji Suhaili, Ahmad Marwan bin Haji Mohammad Taib, Fauzi bin Nayan, Rosli Khalid Nurehsan bin Haji Momin, Rosli bin Haji Abu Bakar dan Kamal Hassan bin Metuddin.

Para penuntut seperti lazimnya aktif berlatih sebelum perlawanan diadakan.

Pencapaian yang diperoleh oleh kelab bola sepak ini ialah di mana para penuntut yang menyertai kelab tersebut mendapat :

- Johan bagi Kejohanan Bola Sepak Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Kluster 1 pada tahun 2015;

- Johan pada tahun 2017 bagi Perlawanan Bola Sepak Kategori 'B' Di Bawah 15 Tahun Antara Sekolah / Sekolah Menengah dan Maktab Kluster 1;

- Merangkul johan bagi Perlawanan Bola Sepak Kategori 'B' Di Bawah 18 Tahun Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Kluster 1;

- Johan bagi Perlawanan Bola Sepak Bagi Kategori 'B' Di Bawah 18 Tahun Antara Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab Kluster 1 pada tahun 2018;

- Naib johan bagi Perlawanan Bola Sepak Kategori 'C' Di Bawah 15 Tahun Antara Sekolah-Sekolah dan Maktab Kluster 1 pada tahun 2019.

Objektif kelab ini ialah untuk menanai dan mengilap bakat sukan bola sepak bagi para penuntut lelaki Sekolah Menengah Katok, untuk memberi peluang kepada para penuntut yang berpotensi bagi mewakili sekolah ke peringkat dalam mahupun luar

negara dan untuk pencalonan bagi kemasukan Persatuan Bola Sepak Kebangsaan Brunei Darussalam (NFABD) bagi pemain di bawah umur 16 dan 18 tahun.

Kejayaan yang diperoleh oleh para penuntut dalam kelab tersebut menunjukkan kesungguhan dan kegigihan mereka dalam berpasukan. Kejayaan tidak mungkin mudah tercapai sekiranya mereka tidak bersatu hati.


Minat para penuntut terhadap bola sepak boleh menjauhkan diri mereka daripada melakukan gejala sosial yang tidak diingini. Gejala sosial sekarang ini semakin berleluasa yang memerlukan ibu bapa memainkan peranan yang lebih penting dalam sama-sama menangani isu ini. Jadilah contoh yang terbaik untuk anak-anak agar anak-anak menjadikan ibu bapa sebagai *role model* mereka. Secara tidak langsung penglibatan mereka dalam sukan bola sepak ini juga mampu memupuk sikap bekerjasama dan tanggungjawab terhadap masyarakat sekeliling mereka seperti mana yang terdapat dalam peribahasa 'berat sama dipikul, ringan sama dijinjing'.

Sikap sebegini haruslah dipuji untuk bekalan mereka pada masa hadapan.

Selain itu, sekolah ini juga mengadakan pelbagai aktiviti dalam Program Pembimbing Rakan Sebaya yang secara tidak langsung memberikan banyak pendekaran yang berfaedah kepada para penuntut terhadap pentingnya hala tuju dalam kehidupan untuk menjadi insan yang berguna di dunia dan akhirat, mendidik para penuntut supaya bijak dalam memilih kawan dan saling bekerjasama serta memupuk sikap saling hormat-menghormati kepada guru, ibu bapa, rakan dan sesiapa sahaja.

Antara aktiviti yang dilakukan ialah para penuntut tahun 10S1 berpeluang ke Politeknik Lumut (Sekolah Sains dan Kejuruteraan) bagi menyaksikan Pameran PASCI Kali Ketiga kampus berkenaan, para penuntut tahun 9xp dan 10S2 ke Aman Hills Hotel bagi menyaksikan Regional Faraday Challenge, Amazing Race, menghadiri Program 'Say no to bully' hasil kerjasama kaunselor dan hal ehwal pelajar yang mana objektif program ini adalah bagi mendedahkan kepada para pelajar tentang buli dan jenis-jenis buli, memberikan pengetahuan tentang akibat buli dan menggalakkan para pelajar berfikir cara untuk mengelak dan mengatasi masalah buli dan sebagainya.

Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Jabatan Penerangan dan  
Ihsan AITI



# Membina masyarakat celik digital

**P**ADA masa ini, kita sedang berhadapan dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Oleh itu, tuntutan untuk mengetahui tentang penggunaan teknologi digital adalah amat tinggi kepada semua lapisan masyarakat pada masa ini.

Pihak Berkuastra Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) komited dalam usahanya untuk membina masyarakat digital yang inklusif agar segenap lapisan masyarakat di negara ini menjadi sebahagian daripada penduduk celik digital dan tidak ketinggalan dengan perkembangan dunia digital, selaras dengan negara yang menuju Negara Pintar (Smart Nation).

Dalam usahanya untuk membina masyarakat celik digital, beberapa inisiatif telah dilaksanakan oleh AITI, yang meliputi hampir keseluruhan lapisan masyarakat.

## Tech Kids Camp 2019

Program ini mula diadakan pada 18 Mac 2019, iaitu buat kali kelima diselenggarakan. Ia dimulakan pada tahun 2012.

Program ini menyasarkan murid-murid yang berusia 9 hingga 12 tahun dan bertujuan bagi menarik minat dan semangat para pelajar muda dengan

menyediakan platform inovasi untuk memberikan pelajar-pelajar pengalaman di dalam ICT dengan cara praktikal dan menyeronokkan.

Pada edisi kali ini, kem ini dihadiri oleh 93 pelajar dan 31 guru dari 23 buah sekolah kerajaan, swasta dan sekolah ugama di seluruh negara.

## Program Hackathon for Teens

Inisiatif ini disasarkan untuk peringkat remaja bertujuan memperkenalkan pelajar Tahun 7 dan 8 kepada asas-asas pengkodan dan pemikiran komputasi. Melalui penggunaan platform pencipta 'App', pelajar diberi cabaran mewujudkan prototaip 'App' mudah alih yang membahas tema yang diberikan iaitu 'isu alam sekitar'.

Seramai 51 pelajar dan 16 guru daripada 14 buah sekolah kerajaan di seluruh negara mengambil bahagian dalam Program Hackathon for Teens anjuran AITI dengan sokongan Pusat Kemajuan Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan, yang diadakan bermula 27 Mei 2019.

## Youth in E-Commerce

Menurut kaji selidik e-Dagang untuk pengguna yang dijalankan oleh AITI pada 2018, 24 peratus responden tidak menggunakan e-Dagang. Tinjauan selanjutnya menunjukkan bahawa 40 peratus daripada pengguna bukan

e-Dagang berada dalam kumpulan umur 18 hingga 34 tahun yang merupakan belia.

Oleh itu, AITI menganjurkan Program Youth in E-Commerce untuk menjangkau dan menyasarkan belia tempatan yang ingin memahami lebih lanjut mengenai e-Dagang dan mempelajari tip untuk menjadi usahawan dalam talian.

Program ini diadakan pada 14 hingga 15 Ogos 2019. Ia dihadiri lebih 50 belia, yang mana ia bertujuan bagi menggalakkan para belia menggunakan e-Dagang sama ada sebagai pihak pengguna ataupun peniaga dalam talian.

Pelbagai topik ceramah telah dikongsi yang antara lain termasuk perdagangan sosial, e-Wallet, aplikasi pengesanan tempatan, penyelesaian pembayaran tanpa tunai, keselamatan dalam talian, perlindungan pengguna, suite saudagar dan pemasaran digital.

## Program Latihan Kemahiran Digital Untuk Warga Emas

Program bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga emas tentang pentingnya celik digital supaya mereka memahami bagaimana teknologi digital dapat menjadikan kehidupan lebih senang, baik dan mudah.

Program ini dimulakan pada 8 hingga 10 Oktober 2019 yang berlangsung di Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE) di Lambak Kanan, Jalan 77. Sejak itu, beberapa program yang sama turut

diadakan pada 26 hingga 28 November 2019 di tempat yang sama.

Program ini juga diadakan di Daerah Tutong iaitu di PKWE Tutong, Jalan Bukit Bendera pada 5 hingga 7 November 2019 dan pada 13 hingga 15 Januari 2020.

Pelbagai topik dikongsi pada program itu termasuk kemahiran ICT asas, sekuriti dan keselamatan dalam talian, pengenalan kepada e-Dagang dan peluang-peluangnya, aplikasi mudah alih yang berguna, membeli-belah dan membuat transaksi dalam talian.

AITI berharap program ini dapat dilanjutkan ke pusat-pusat kegiatan warga emas yang lain supaya komuniti warga emas dapat memanfaatkan sepenuhnya peluang yang disediakan dan menjadi sebahagian daripada penduduk celik digital dan tidak ketinggalan dengan perkembangan dunia digital.

## Hadapi IR4.0

Program-program ini diperkenalkan adalah untuk melengkapkan masyarakat kitani dengan kemahiran digital selaras dengan IR4.0, dan di negara pintar masa hadapan, yang diramalkan akan terdapat pelbagai produk dan perkhidmatan teknologi, yang memerlukan set kemahiran yang berbeza.

AITI akan terus proaktif mempromosikan perkembangan kesedaran dan kemahiran ICT kepada segenap lapisan masyarakat di negara ini melalui pelbagai platform yang bersesuaian.



# 1,500 sertai Walk, Run and Cycle sempena Hari Kanser Sedunia



YANG Berhormat Menteri-menteri Kabinet menyertai Sesi Memanaskan Badan, iaitu senamrobik sebelum Acara Walk, Run and Cycle sempena Hari Kanser Sedunia berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Dari muka 24

Acara juga disertai oleh isteri Menteri-menteri Kabinet; Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Kesihatan dan

Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam.

Beberapa aktiviti turut diadakan untuk orang ramai, termasuk Petak Pameran dari Kementerian Kesihatan yang memperkenalkan

pelbagai inisiatif kesedaran kanser daripada rakan kongsi seperti Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Brunei (BBCSG), Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM), Yayasan Kanak-Kanak

Kanser (YASKA), Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) dan Gleneagles JPMC.

Antara aktiviti yang diadakan ialah Coffee with Doktor iaitu salah satu aktiviti santai yang

memberi peluang kepada orang ramai untuk berbual bersama doktor pakar PJSC mengenai kanser.

Juga diadakan, sesi Tai Chi; cabaran aktiviti kecerdasan, permainan, kuiz dan banyak lagi.

Lebih daripada 1,500 peserta mendaftar untuk mengambil bahagian pada acara tersebut yang mengetengahkan beberapa kategori, iaitu 2km Fun Walk for Cancer Survivor; 3km Fun Walk; 10km Cycling dan 11km Competitive Run.

PJSC komited untuk terus mengambil langkah lebih proaktif dan melaksanakan aktiviti pemikiran dengan berhati-hati dengan tujuan untuk mendidik, mengesan awal dan mencegah kanser bersama rakan kongsi dari agensi swasta, kerajaan dan bukan kerajaan tempatan dan antarabangsa. Untuk maklumat lanjut, hubungi PJSC di [enquiries@pjscbrunei.com](mailto:enquiries@pjscbrunei.com) atau berhubung menerusi talian +673 261 3333.

## Kota Ranger FC juara Piala Sumbangsih 2020



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua bergambar kenangan bersama Kota Rangers FC yang menjuarai Piala Sumbangsih 2020 sejurus menyampaikan piala kemenangan pada Perlawanan Piala Sumbangsih setelah mereka menewaskan Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB).

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Sabtu, 8 Februari. - Adi Said muncul wira apabila jaringan hatriknya berjaya

menobatkan Kota Ranger FC sebagai juara Piala Sumbangsih 2020 selepas menumpaskan

Majlis Sukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (MS ABDB), 3 - 1 pada Perlawanan Piala Sumbangsih yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Hatrik yang dilakukan oleh Adi Said sudah cukup untuk menjamin kemenangan bagi Kota Ranger FC pada malam ini, sementara Khairul Mee Mail menjaringkan gol sagu hati bagi MS ABDB.

Separuh masa pertama menyaksikan kedua-dua pasukan saling berbalas serangan apabila

Adi Said hampir sahaja membuka jaringan golnya pada minit ke-3 dan 34 menerusi sepakan percuma dan voli.

Adi Said seterusnya berjaya menjaringkan gol pertamanya bagi Kota Ranger FC apabila menjaringkan dari jarak dekat susulan umpanan daripada pemain sayap kiri pada minit ke-39.

Jaringan kedua Adi Said seterusnya muncul pada minit ke-44 setelah dengan bergaya menembusi gawang pihak lawan

hasil serangan balas yang dilakukan Kota Ranger FC.

Babak kedua perlawanan pula menyaksikan MS ABDB mengawal permainan untuk bangkit dari kekalahan separuh masa pertama namun tidak membuat hasil.

Jaringan ketiga Adi Said pula muncul pada minit ke-90 menambahkan lagi luka bagi MS ABDB setelah serangan balas Kota Ranger FC menyaksikan Adi Said dengan pantas melepaskan pertahanan pasukan lawan dan seterusnya menjaringkan gol.

Kapten pasukan, Khairul Mee Mail seterusnya berjaya menjaringkan gol sulung bagi MS ABDB untuk menjadikan jaringan berakhir 3 - 1 sehingga wisel penamat ditutup oleh pengadil perlawanan.

Ketua Jurulatih Kota Ranger FC, Darus Tanjung berkata, pasukannya berhak untuk memenangi perlawanan tersebut setelah bekerjasama dan bekerja keras untuk sama-sama mencapai kemenangan pada malam tersebut.

"Sememangnya dengan adanya kehadiran Adi Said bersama pasukan kami akan menambahkan lagi peluang kami untuk memenangi liga pada tahun ini, insyaAllah dengan kerjasama dan kerja keras sepasukan, matlamat itu pasti akan tercapai," jelas beliau lagi.



AKSI perlawanan di antara Kota Rangers FC dan MS ABDB (jersi merah) (kiri), sementara gambar kanan, para penonton yang hadir menyaksikan Perlawanan Piala Sumbangsih tersebut.

# Sukan

## 1,500 sertai Walk, Run and Cycle sempena Hari Kanser Sedunia

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Februari. - Dalam usaha menyatukan dunia untuk meningkatkan kesedaran tentang kanser dan menggalakkan pencegahan, pengesanan awal juga rawatan, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC) dan Pusat Promosi Kesihatan (HPC), Kementerian Kesihatan mengadakan Acara 'Walk, Run and Cycle' sempena Hari Kanser Sedunia 2020 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Hari Kanser Sedunia disambut setiap tahun pada 4 Februari, diketuai oleh Union for International Cancer Control (UICC).

Tema Hari Kanser Sedunia pada tahun ini hingga tahun 2021 adalah 'Saya Adalah dan Saya Akan' (I Am and I Will).

Hadir selaku tetamu kehormat pada acara tersebut, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut menyertai aktiviti berjalan kaki 2 kilometer, Menteri-menteri Kabinet, iaitu Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong; Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong; Menteri Pertahanan Kedua, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejjar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd.

Siaran Akbar : Pusat Pakar Pantai Jerudong

Foto : Ampuan Haji Mahmud

Ampuan Haji Tengah



Yusof; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar; Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutualib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof; dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejjar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Ke muka 23

### INFO SUKAN

LEBIH 80 peserta mengambil bahagian dalam acara berjalan kaki dan berbasikal pada Aktiviti Bandarku Ceria bersempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa 2020 yang membawa tema 'Customs Fostering Sustainability for People, Prosperity and The Planet' yang bermula dan berakhir di Taman Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien yang diadakan pada 2 Februari 2020 lalu.



ePaper Pelita Brunei



SEBAHAGIAN daripada para peserta ACARA 'Walk, Run and Cycle' sempena Hari Kanser Sedunia 2020 yang berlangsung di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan yang dilancarkan oleh Menteri-menteri Kabinet.

## Rajin beriadah, kehidupan lebih sihat

Oleh : Rohani  
Haji Abdul Hamid  
Foto : Masri Osman



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menyertai Riadah Berbasikal dan Riadah Berjalan Kaki yang diadakan di kawasan Bangunan JPM.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Februari. - Riadah Berbasikal dan Riadah Berjalan Kaki diharap akan menerajui dan memberikan contoh teladan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan yang lain untuk membudayakan amalan hidup sihat dengan beriadah.

Bagi tujuan tersebut, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya menganjurkan Riadah Berbasikal dan Riadah Berjalan Kaki yang diadakan di kawasan Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri di JPM, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Turut hadir, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; dan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Acara dimulakan dengan Sesi Pemanasan Badan yang dikendalikan oleh PPDB.

Riadah diteruskan dengan acara Berbasikal sejauh 10 kilometer, diikuti dengan acara Berjalan Kaki sejauh tiga kilometer yang dilancarkan oleh tetamu kehormat.

Acara tersebut merupakan pembuka tirai bagi Kejohanan Sukan JPM bagi Tahun 2020, di mana sebanyak enam acara sukan akan dipertandingkan, iaitu Bola Jaring Tujuh Orang Sepasukan; Ping Pong, Tenpin Boling, Futsal dan Badminton.

Matlamat utama riadah ini diadakan adalah bagi mengerakkan warga JPM menjalani gaya hidup sihat dan Riadah Berbasikal dan Riadah Berjalan Kaki yang diadakan di kawasan Bangunan JPM. Rajin beriadah, meningkatkan kesepadan, keharmonian, persahabatan dan kesepakatan pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

'SABAR ANUGERAH TERINDAH YANG MENJANJIKAN GANJARAN'

دربیتکن اوله جباتن فراغن، جباتن فردان منtri دان ڈچیتیق اوله جباتن فرچیتمن کراجان، نگارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam